



PENCERDASAN

Penubuhan Wadah adalah dengan hasrat meningkatkan ilmu, kesedaran, serta mencerdaskan daya fikir umat dalam memahami dan menanggapi persoalan-persoalan penting yang menyangkut kepentingan Islam dan masyarakatnya. Kesedaran yang mendalam, kefahaman yang tepat serta kecerdasan daya fikir diharap dapat mendorong terbangunnya semangat baru yang mencetuskan perubahan positif dan menggerakkan transformasi yang mengangkat kembali martabat dan maruah Islam dan umatnya di tengah-tengah kekalutan dunia global masa kini.

AMANAT PRESIDEN
Amanat Pimpinan Wadah
Muktamar Nasional 2010.

AB HALIM ISMAIL
Dhimmy: Warga Negara Kelas
Dua? Relevanakah Dengan
Masyarakat Masa Kini?

AHMAD AZAM AB RAHMAN
Ulasan Buku:
Inside the Muslim Brotherhood

RAHMAH HASHIM
Peranan Media Dalam
Proses Pencerdasan Umat

MD SIDIN AHMAD ISHAK
Ulasan Disertasi: Penglibatan Kyai
Dalam Kempen Pilihan Raya
Presiden Indonesia 2004

PENCERDASAN DAN PENYADARAN:

Pengaktualisasian Daulat Rakyat Dalam Sistem Demokrasi

AMANAT PRESIDEN
DATO' DR. SIDDIQ FADHIL

Sambutan lima dekad merdeka yang penuh dengan kecamuk: antara fakta dan propaganda, antara gemerlapnya pesta dan gelapnya hari muka, antara kewiraan pejuang merdeka dan kerapuhan generasi muda, antara ketulusan datuk-nenek dan kerakusan anak-cucu.

Walau apa pun tanggapan dan penilaian orang tentang makna dan harga merdeka selama 50 tahun itu, bagi kita ia adalah suatu panggilan sejarah untuk bermuhasabah, menilai secara jujur sudah sejauh mana kita memenuhi aspirasi dan menepati erti sepatah kata MERDEKA, yang kerananya entah sebanyak mana darah yang tumpah, air mata yang meruah dan keringat yang bersimbah. Kita adalah aktivis gerakan pembawa citra elemen yang sedar dari masyarakatnya.

Bukankah demikian antara retorika generasi 70'an, wira-wira kampus yang bangkit menyanggah dan menyergah golongan pemecah amanah perjuangan rakyat. Mudah-mudahan kita masih mampu mempertahankan citra tersebut, dan untuk itu kita perlu berani bersikap jujur dan konsisten.



Catatan Dari Meja Pengarang

Membangun bangsa bukan sesuatu yang mudah. Hal ini disebabkan hasrat demikian perlu didahului dengan usaha menanam sejumlah nilai positif dalam diri masyarakat. Termasuk antaranya ialah penghargaan terhadap ilmu sebagai asas perubahan, kesedaran diri tentang amanah dan tanggungjawab, keberanian bertindak dan kesediaan menanggung risiko serta semangat untuk bertindak secara kolektif. Menanam nilai-nilai seperti ini tentunya tidak semudah menanam benih tanaman.

Pemerintah memang mempunyai peranan dalam pembinaan sebuah masyarakat yang reseptif terhadap perubahan serta sedia berpartisipasi menjayakannya. Bagaimanapun seringkali mereka yang memerintah terdiri dari ahli-ahli politik biasa dan bukan negarawan (*statesman*) yang mampu berfikir tentang pembinaan masa depan bangsa. Mereka gagal memainkan peranan yang diharapkan, sebaliknya mereka terperangkap dalam permainan politik rendah bagi mempertahankan kedudukan dan memperoleh ganjaran. Di sini letaknya peranan alternatif masyarakat sivil yang terdiri badan-badan bukan kerajaan, badan-badan dakwah, institusi-institusi kerakyatan dan para ilmuwan bebas untuk menggerakkan kesedaran tulen masyarakat ke arah perubahan.

Rencana-rencana yang tertulis dalam PENCERDASAN kali ini cuba menimbulkan kesedaran diri masyarakat tentang kuasa yang ada di tangan mereka. Kuasa yang perlu digunakan untuk membuat perubahan-perubahan yang lebih bererti dalam masyarakat. Tulisan Dr. Siddiq Fadhil berjudul **Pengaktualisasian Daulat Rakyat Dalam Sistem Demokrasi** menegaskan perlu memberi nafas sebenar kepada demokrasi melalui usaha memulihkan kuasa dan wibawa rakyat atau mengembalikan Daulat Rakyat. Dr. Rahmah Hashim melalui tulisannya, **Peranan Media Dalam Proses Pencerdasan Umat**, memaparkan sisi-sisi baik-buruk teknologi maklumat dan bagaimana teknologi ini boleh digunakan untuk meningkatkan daya fikir dan kematangan umat. Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak, dalam tulisannya **Penglibatan Kyai Dalam Kempen Pilihan raya Indonesia 2004**, memberi fokus kepada peranan tokoh-tokoh agama dan institusi kerakyatan (dalam konteks ini para Kyai dan pesantren) dalam pilihan raya di Indonesia. Hasrat para Kyai untuk memurnikan proses politik dengan menegaskan nilai-nilai agama, patut dicontohi oleh para agamawan di negara ini.

Tulisan **Dhimmiy Dalam Persoalan** oleh Ab. Halim Ismail cuba menghuraikan konsep tersebut berasaskan sejarah masa lalu dan mempersoal relevansi konsep ini dalam konteks sekarang. Ulasan Ahmad Azam Ab. Rahman berdasarkan buku **Inside The Muslim Brotherhood** banyak membantu kita memahami perjuangan Ikhwan al-Muslimin melalui tokoh belakang tabir nya, Youssef Nada. Maklumat yang diberi banyak membantu kita memahami fenomena kebangkitan rakyat di Mesir dan Tunisia. Bahkan, banyak pengajaran dan pelajaran yang boleh dimanfaatkan oleh mereka yang terlibat dalam gerakan Islam, di manapun jua.

Sidang Pengarang

Ketua Pengarang
Abdul Halim Ismail

Pengarang
Dr Sidin Ahmad Ishak, Dr Rahmah Hashim, Dr Nur Izura Uzair

Pemasaran & iklan
Ahmad Mustafa, Anuar Ismail

Rekabentuk & Susun Atur
Mohd Halimi Abdul Hamid

Sumbangan

Kami mengalu-alukan sumbangan anda bagi membolehkan WADAH meneruskan usaha-usaha yang sedang dilakukan di samping menampung perbelanjaan penerbitan-penerbitan termasuk makalah Pencerdasan ini.

Sumbangan boleh dihantar ke alamat berikut

23A-2-2A, Tingkat 2, Jalan Medan PB 2A, Seksyen 9, Pusat Bandar Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi.

No Telefon : 03-89202142 No Faks : 03-89122346 Mel-e : wadahpusat@gmail.com

atau memasukkannya ke

Akaun Bank Islam Malaysia Berhad 120290-100-47955.

dari muka hadapan

Lima Dekad Merdeka: Prestasi dan Legacy

Menilai prestasi sesuatu bangsa memang tidak mudah. Kesepakatan memang tidak mungkin kerana banyaknya segi-segi kesubjektifannya, juga kerana perbezaan-perbezaan perspektif para penilainya, di samping perbezaan tahap keupayaan dan tingkat kejujuran mereka. Bagaimanapun tulisan George Wehrfritz dalam *Newsweek* Feb. 4, 2008 tentang tokoh-tokoh yang pernah berkuasa dan yang masih berkuasa di Asia Tenggara dapat dijadikan bahan renungan. Makalah berjudul *The Titans in Their Twilight* itu menyebut beberapa *legacy* orang-orang kuat termasuk Soeharto, Lee Kuan Yew dan Mahathir Mohamad. Memetik kata-kata Garry Rodan dari Murdoch University, Perth, makalah tersebut menyatakan kesemua mereka adalah *comrades in arms in containing forces for social and political change*. Selain itu mereka juga disebut, *All were anticommunist, antidemocratic and intermittently anti-western*. Mahathir banyak mendapat penghargaaan kerana

s u m b a n g a n n y a melaksanakan transformasi sosio-ekonomi, termasuk pembangunan infrastruktur bertaraf dunia. Bagaimanapun program ekonominya yang bersifat kapitalisme kroni telah menciptakan *bastions for massive graft*. Selain menjadi lahan rasuah yang cukup subur, ia juga dikhuatiri menjadi semacam bom waktu yang boleh meledakkan konflik perkauman akibat adanya persepsi bahawa kekayaan negara telah dibolot oleh kaum Melayu sehingga kaum bukan Melayu – Cina dan India – berasa dipinggirkan. Walhal hakikatnya, hanya beberapa kerat kroni (Melayu dan bukan Melayu) yang diperkaya oleh pihak penguasa atas perkiraan-perkiraan tertentu, termasuk perkiraan politik peribadi dan kelompok. Sebenarnya masih banyak lagi *legacy* pemerintahan sepanjang lebih 20 tahun (1981-2003) itu yang belum terungkap sepenuhnya termasuk apa yang sudah terjadi kepada institusi kehakiman negara. Dua dekad bukan tempoh yang singkat, dan kerananya tidak mudah merombaknya kecuali ada pengganti yang cukup kuat. Soalnya, sekuat manakah PM Abdullah Badawi, pengganti pilihan Mahathir sendiri. Mengenai persoalan ini makalah tersebut mengulas, *Mahathir's handpicked successor, Abdullah Badawi, took office four*

years ago pledging to open the political process, uproot corruption, shrink the state sector and improve race relations – all subtle ways to distance himself from his predecessor. Though he has had some success on the first point, however, Abdullah hasn't delivered much on the others and probably never will. Too many powerful figures in his party (including Mahathir's sons and several of his rivals) benefit from the way things are and keep "chopping him down to size," says UBC's Mauzy. She warns that the UMNO's factions could split if Abdullah keeps pressing for change. "They don't like each other. The next generation is going to [have] a big fight".

Tanggapan di atas tentu sahaja tidak menggambarkan secara utuh dan menyeluruh tentang wajah bangsa dan negara ini. Bagaimanapun setidak-tidaknya ia mungkin dapat merangsang perbahasan yang lebih mendalam tentang apa yang sesungguhnya telah terjadi kepada kita sepanjang dekad-dekad mutakhir ini, terutama apa yang telah terjadi kepada kita sebagai manusia, sebagai umat dan sebagai rakyat. Dengan kata lain, sudah sejauh mana kemanusiaan kita, keislaman kita dan kerakyatan kita

Setelah 50 tahun merdeka dan setelah 11 kali mempraktikkan pilihan raya, seharusnya kita lebih matang, pilihan raya kita lebih bersih, demokrasi kita lebih murni dan daulat rakyat lebih bererti.

telah mendapat pembelaan yang sewajarnya. Sebagai manusia apakah kita telah dapat menikmati hak-hak asasi dan kehidupan yang sesuai dengan kemuliaan martabat keinsanan? Sebagai Muslim apakah kita

telah dapat menikmati kehidupan Islami di bawah naungan kedaulatan syari'at? Dan sebagai rakyat negara merdeka yang mengamalkan sistem demokrasi, apakah prinsip kedaulatan rakyat telah ditegakkan secara jujur, murni dan konsisten?

Daulat Rakyat dalam Syari'at

Isu daulat rakyat tidak hanya relevan dibicarakan dalam konteks sistem demokrasi, tetapi lebih daripada itu ia juga relevan dalam konteks pemikiran politik Islam. Di kalangan pemikir Muslim memang ada yang berpendapat bahawa kedaulatan adalah milik Allah sepenuh dan semutlaknya. Manusia sama sekali tidak memilikinya. Bagaimanapun pendapat tersebut tidak mewakili pendapat majoriti yang umumnya melihat bahawa dalam politik Islam ada kedaulatan rakyat yang di posisikan di bawah kedaulatan syari'at. Rakyat memang tidak berkuasa meminda syari'at, tetapi berkuasa mengangkat dan

memecat pemerintah. Atas asas kedudukan dan peranannya sebagai sumber mandat kekuasaan pemerintah itulah rakyat mendapat kedaulatannya. Sementara itu ada pula yang melihat persoalan daulat dari tiga dimensi: a. dimensi perundangan (*al-bu'd al-qanuniy*) dalam erti kedaulatan undang-undang yang bersumberkan syari'at, b. dimensi kerakyatan (*al-bu'd al-sha'biy*) dalam erti rakyat sebagai kuasa tertinggi yang bebas memilih pemerintah, dan c. dimensi keantarabangsaan (*al-bu'd al-dawliy*) dalam erti merdeka sepenuhnya dari sebarang pengaruh asing. (Balrawin, Muhammad 'Abd al-Rahman, 2007: 72).

Daulat Rakyat dalam Amalan Demokrasi

Di tengah kekalutan menghadapi Pilihan Raya ke-12 ketika ini, mungkin sekaranglah saatnya yang tepat kita membicarakan isu daulat rakyat. Memang demokrasi dalam pengertian murninya mengandungi prinsip menghormati rakyat sebagai pemegang hak dan kuasa pilih yang bijak dan bertanggungjawab. Persoalannya, dalam amalan berpilihan raya selama ini, apakah rakyat benar-benar dihormati dalam erti dihormati haknya untuk mendapatkan maklumat yang benar, cukup dan seimbang tentang semua calon dan parti yang bertanding, dihormati kebebasannya membuat pilihan, dihormati kebijaksanaannya dan dihormati keputusannya? Setelah 50 tahun merdeka dan setelah 11 kali mempraktikkan pilihan raya, seharusnya kita lebih matang, pilihan raya kita lebih bersih, demokrasi kita lebih murni dan daulat rakyat lebih bererti. Tetapi bagaimana hakikatnya? Pengundi-pengundi selalu tidak diperlakukan dengan hormat sebagai rakyat berdaulat. Mereka sering diperbodoh dengan dakyah dan propaganda murah, dihina dengan pelbagai bentuk sogokan agar mereka sanggup menjual prinsip, hak, maruah dan kedaulatan mereka.

Demokrasi pada hakikatnya bukan sekadar suatu mekanisme politik, tetapi lebih daripada itu ia adalah suatu sikap dan suatu budaya. Kerana itu pilihan raya tidak akan terlaksana secara demokratik jika para pelaku politiknya bukan manusia-manusia demokrat dan masyarakatnya tidak berbudaya demokrasi. Sudah terlalu banyak contoh pilihan raya yang sebenarnya bukan jelmaan sistem demokrasi, tetapi sekadar sandiwara para diktator. Di mana-mana pilihan raya selalu dicemari pelbagai kecurangan, termasuk pembodohan dan penghinaan terhadap rakyat. Dalam kaitan ini mungkin ada manfaatnya kita merenung catatan budayawan Emha Ainun Nadjib

tentang nasib malang golongan bernama rakyat yang selalu diperbodoh dan dihina. Katanya,

Bangsa yang hina melahirkan generasi demi generasi hina, memilih dan menjunjung presiden dan menteri-menteri hina, mengutus dan menggaji perwakilan-perwakilan hina, sambil menyusu dan mempekerjakan orang-orang yang dihina, menikmati kerja dan makanan anak-anak terhina itu sambil terus memelihara di hati dan otak hinaan-hinaan atas mereka.

Pada hakikat kenyataan dan kenyataan hakikinya, rakyat adalah Ibu Bapak sejarah yang kita TKI-TKW-kan sepanjang masa. Rakyat adalah TKI-TKW di genggaman tangan dan di bawah injakan kaki para pemegang tongkat sejarah, baik tongkat kekuasaan politik, modal, wacana dan informasi. Rakyat yang ditipu terus-menerus.

Yang dibodohi dari era ke era. Yang dipecundangi dari periode ke periode. Yang namanya disebut, dikomoditikan, diatasnamakan, oleh setiap yang sedang berkepentingan untuk menguasai mereka, kemudian melupakan dan melecehkan mereka begitu kekuasaan itu terenggam di tangannya.

Yang tidak pernah digubris hak-hak dasarnya. Yang kemuliaan posisinya dipakai sebagai mahkota kekuasaan, namun dalam praktik pundak mereka ditanggunggi dan kepala harkat demokrasi dibenamkan ke bagian bawah rendaman cairan air liur teori-teori dan pidato-pidato demokrasi.

Rakyat yang hanya punya satu kegiatan kenegaraan: yaitu dikempongi oleh kekuasaan, gigi-gigi kekuatan sejarahnya dibikin rampal sehingga mulut kedaulatannya kempong. Rakyat yang bisa dipukuli kapan saja, dikelabui pagi hari diakali sore hari, dininabobo siang hari dicuri miliknya malam hari.

Rakyat yang diperhinakan oleh gaya kepemimpinan yang memakaimerah darah mereka sebagai gincu. Rakyat yang dibodohi sehingga akhirnya tidak lagi mengenal kebodohan. Rakyat yang terus-menerus dan terlalu lama dihina sehingga akhirnya benar-benar menjadi hina tanpa tersisa sedikitpun kesadaran dan pengetahuan bahawa mereka hina.

Andainya rakyat telah dilemahkan sedemikian rupa, apakah demokrasi masih punya erti bagi mereka? Demokrasi tertegak atas asumsi bahawa rakyat mampu berfikir rasional, mampu menganalisis maklumat dan seterusnya mampu membuat keputusan sendiri. Tetapi apakah erti demokrasi bagi

masyarakat “kempong” (tidak bergigi), masyarakat yang tidak lagi mampu mengunyah maklumat dan fakta, tahunya hanya menelan apa sahaja yang disuapkan orang. Dalam masyarakat yang seperti itu demokrasi pilihan raya telah kehilangan semangat dan erti aslinya. Yang tinggal hanya riuh-rendah perbalahan yang seringkali tidak rasional. Hangar-bangar sengketa di antara pendukung-pendukung parti yang bertanding tidak selalu berkualiti dialog fikiran sihat dan matang, sebaliknya lebih banyak berupa ledakan-ledakan emosi sentimen kepartian tanpa dasar kefahaman dan semangat demokratik. Mungkin itulah yang disebut dialog masyarakat “pekak sekampung”.

Rakyat yang lemah tidak mungkin mampu berperanserta atau berpartisipasi secara berkesan dan bererti dalam proses demokrasi. Keadaan ini pulalah yang membuka ruang seluas-luasnya kepada pihak-pihak yang memiliki kekuatan — pemegang kuasa dan pemilik dana — untuk berleluasa mengeksploitasi demokrasi demi kepentingan diri. Keberanian untuk bersikap sewenang-wenang menyalahgunakan kuasa didorong oleh asumsi bahawa rakyat tidak mengerti kecurangan yang mereka lakukan dan tidak berdaya memprotesnya. Hakikat inilah yang diungkapkan oleh Al Gore dalam konteks gejala rasuah yang semakin mengancam demokrasi Amerika. Katanya, *“When the decision-making process is no longer dominated by reason, it quickly becomes far more vulnerable to outcomes determined by the use of raw power, and the temptation to corruption grows accordingly. And sure enough, in recent years there has been a series of gross examples of corruption and the fraudulent abuse of public power for private ends. The activities that now do the most harm to the health and integrity of American democracy are for the most part legal. And all of the abuses have one thing in common: The perpetrators have clearly assumed that they have little to fear from public outrage and that very few people will learn about their misdeeds. ... All of them assume an ignorant public.”* (Al Gore, 2007:78-79).

Persekongkolan Politik dan Perniagaan: Implikasi dan Akibat

Demikianlah, demokrasi hanya dapat berfungsi sebagaimana semestinya jika rakyat cukup kuat, cerdas dan memiliki tingkat kesedaran yang tinggi sehingga mereka mampu mengawal penyalahgunaan kuasa yang dimandatkan kepada pemerintah. Dorongan kepada pengkhianatan mandat rakyat memang sangat kuat terutama apabila demokrasi bersekongkol dengan kapitalisme. Ketika politik

demokrasi sudah menjadi *politics of wealth* atau *money politics* seperti yang sedang menggejala di mana-mana ketika ini, kuasa rakyat bertukar menjadi kuasa wang.

Betapa besarnya peranan wang dalam amalan demokrasi hari ini dapat disaksikan dari besarnya biaya pilihan raya. Setiap parti atau calon yang bertanding harus menyediakan dana yang sebesar-besarnya kerana kekuatan dana adalah faktor yang sangat menentukan prestasinya dalam pilihan raya. Keperluan pendanaan inilah pula yang dilihat oleh para pedagang sebagai peluang pelaburan yang menjanjikan keuntungan lumayan. Demikianlah trend yang mencemarkan kemurnian demokrasi dan meruntuhkan integritinya di mana-mana termasuk di negara “juara” demokrasi dunia, Amerika Syarikat sebagaimana yang didedahkan oleh Al Gore, *“Cash must be collected from those who have it. Those who have cash are typically motivated to give it to the candidates who promise postelection behavior that will be pleasing to the contributors — upon whom everything depends in this system. This behavior would not necessarily be pleasing at all to the voters if they knew what was going on. But both candidates and contributors are capable of ignoring the true interests of the voters, because the voters’ opinions can now be shaped by mass advertising campaigns, which can be purchased”*. (Al Gore, 76-77. 2007. *The Assault on Reason*. London: Bloomsbury.).

Persekongkolan kepentingan badan-badan korporat besar dengan agenda politik seperti itulah sebenarnya yang mencirikan pentadbiran Presiden Bush sekarang ini (*Their preferences become his policies, and his politics becomes their business*). Meskipun beliau telah berhempas-pulas untuk memprojekkan diri sebagai pemimpin yang kuat dan berani, namun kenyataannya secara moral beliau adalah lemah dan pengecut, *so much so that he seldom if ever says “no” to them on anything — no matter what the public interest might mandate*. Berdasarkan apa yang terjadi kepada demokrasi Amerika itu mungkin wajar kita bertanya, apakah demokrasi kita lebih baik, lebih murni, lebih bermoral dan lebih berintegriti?. Apakah cuma Bush pemimpin di dunia ini yang beraninya hanya kepada rakyat kecil yang telah dilemahkan, tetapi lemah ketika berhadapan dengan para cukong konglomerat pendana dan pembiayanya?

Persekongkolan politik-perniagaan seharusnya kita amati dengan sikap penuh prihatin. Kedua-dua golongan tersebut (ahli-ahli politik dan tokoh-tokoh perniagaan) ketika ini sama-sama sedang mengalami masalah integriti. Akhbar THE STAR, 19 April 2006

menyiarkan tulisan David Rajah yang mengomentari hasil kajian tentang *Trust in Integrity* pelbagai kategori pekerjaan. Antara lain tulisan tersebut menyatakan, "In a survey of 2,074 respondents conducted by the Business Ethics Institute of Malaysia (BEIM), doctors came up first and teachers second. Politicians were at the bottom of the 15-category list." Mengenai golongan ahli-ahli perniagaan pula tulisan itu menyebut, "The findings should be of concern to the business community, which has been rated second lowest with a score of 16% of trust." Bayangkan bagaimana jadinya nanti apabila golongan yang berkedudukan *at the bottom* dan golongan yang berkedudukan *second lowest* (dari segi kepercayaan orang ramai) itu bersekongkol menguasai pemerintahan.

Ke Arah Pemulihan Daulat Rakyat

Daulat rakyat yang menjadi ciri asasi bangsa yang merdeka dan masyarakat demokratik harus dipulihkan. Untuk itu keperluan kepada suatu gerakan yang bermotif pencerdasan dan penyedaran dirasakan amat mendesak sekali. Rakyat harus segera disedarkan tentang martabat keinsanannya, daulat kerakyatannya dan hak-hak demokratiknya. Demokrasi tidak hanya untuk dilaksanakan empat atau lima tahun sekali dalam bentuk pilihan raya asal-asalan (asal ada dan asal jadi sekadar mencari keabsahan hukum), tetapi harus dipelajari prinsip-prinsipnya dan dihayati nilai-nilainya. Dengan kata lain, pemulihan daulat rakyat memerlukan pemerataan pendidikan dan pembudayaan demokrasi. Pengalaman 11 kali pilihan raya bukan jaminan bahawa rakyat telah benar-benar memahami erti demokrasi dan menyedari hak-hak demokratiknya. Untuk menjayakan agenda pencerdasan dan penyedaran ini kita tidak perlu terlalu mengharap pemerintah kerana ia mungkin dirasakan bertentangan dengan kepentingan mereka. Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam yang seharusnya menjadi pelaksana misi pendidikan demokrasi, ternyata tidak dapat diharapkan lagi. Mereka hanya mengajar ilmu sains politik, termasuk serba-serbi tentang demokrasi tetapi tidak dengan setia memasyarakatkan dan membudayakan prinsip-prinsip dan nilai-nilai demokratik dalam kehidupan warga kampus. Bagaimana cara pengendalian pilihan raya kampus (Majlis Perwakilan Pelajar – MPP) adalah bukti nyata hakikat tersebut. Kerana itu agenda ini harus dilaksanakan menerusi gerakan kerakyatan sesuai dengan semangat dan aspirasi masyarakat madani. Badan-badan NGO non-partisan adalah paling sesuai melaksanakan agenda ini bagi memastikannya tetap murni sebagai

pendidikan politik demokrasi, dan tidak diselewengkan menjadi indoktrinasi politik kepartian.

Pencerdasan dan penyedaran adalah bahagian daripada pemerksaan dan pemberdayaan rakyat. Justeru, pendedahan yang secukupnya tentang demokrasi dan segala yang berkaitan dengannya akan merubah mereka daripada *ignorant public*, menjadi lebih percaya diri, peka, partisipatif, kritis dan artikulatif. Pendidikan demokrasi yang meliputi *voter education* akan menjadikan mereka pengundi-pengundi pintar yang menggunakan hak pilih berdasarkan akal sihat dan perkiraan-perkiraan rasional. Demikian pula dengan penyedaran tentang martabat keinsanan dan daulat kerakyatan akan memberikan mereka keberanian menolak pelayanan yang bersifat menghina, memperbodoh dan memperlekeh maruah serta harga diri. Pendidikan demokrasi juga akan dapat menyuntikkan kekuatan mengembalikan hak-hak demokratik yang telah hilang, termasuk hak kebebasan bersuara. Dengan demikian mereka akan dapat melepaskan diri dari sindrom kebisuan. Masyarakat demokratik bukan masyarakat *silent citizens*. Masyarakat demokratik adalah masyarakat *listening government*. Bukan rakyat yang harus membisu, tetapi pemerintah yang harus mendengar. Andainya prinsip dan nilai demokrasi dihormati, tidaklah akan terjadi keadaan seperti yang terungkap dalam puisi TENTANG SUARA karya KHA Mustofa Bisri:

TENTANG SUARA

Di sini

Kau bisa mendengar suara-suara
Hingga sunyi. Di malam hari.

Di sini

Kau bisa tidak mendengar suara-suara
Hingga nyanyi. Di dada sendiri.

Di sini

Suara-suara bisa sangat berharga
Hingga dibeli. Sekali-kali.

Di sini

Suara-suara bisa sangat dimurka
Hingga dikebiri. Setiap hari.

Di sini

Suara-suara diberi makna apa saja
Hingga mimpi. Menjadi opini.

Di sini

Suara-suara bisa dibungkam kapan saja
Hingga mati. Termasuk nurani.

Di sini

Kau bisa mendengar suaraku apa adanya

Hingga geli. Tentang diri sendiri.

Puisi tersebut memberikan pemerian tentang perbezaan yang begitu kontras di antara dua suara: suara pemerintah yang sangat berkuasa dan suara rakyat yang dikuasai. Pemerintah boleh bersuara seenaknya dan semahu-mahunya, termasuk kesewenang-wenangan menafsirkan makna segala suara. Sebaliknya rakyat dibisukan hingga tidak bersuara. Suara rakyat hanya diperlukan sekali-sekala pada musim pilihan raya, bukan untuk didengar apa mahunya, tetapi untuk dibeli (undinya). Rakyat yang cerdas dan kuat adalah aset yang tak ternilai. Kerana itu dasar dan amalan menumpulkan kecerdasan dan melumpuhkan kekuatan rakyat adalah suatu ketololan, sebagaimana tololnya bapa yang melumpuhkan dan membisukan anak sendiri. Seharusnya mereka segera merenung ke dalam diri, dengarkan suara hati dan bisikan nurani yang tak pernah membohongi, berhentilah mentertawakan ketololan orang, kali ini tertawakanlah ketololan diri sendiri.

Meskipun penyair tersebut mengungkapkannya dengan kata "Di sini" yang membawa maksud di negara penyair itu sendiri, tetapi hakikatnya kelumpuhan, ketidakberdayaan dan kebisuhan rakyat adalah fenomena yang meratai pelbagai negara di seluruh rantau dunia. Demikianlah, golongan yang namanya rakyat selalu membawa citra sebagai simbol kedhaifan dan ketidakberdayaan. Mereka rata-rata belum terbebas sepenuhnya dari belenggu penindasan seperti yang dibicarakan oleh `Abd al-Rahman al-Kawakibiy, tokoh islah abad lalu dalam karya monumentalnya *Taba'i` al-Istibdad wa Masari` al-Isti`bad*. Mereka masih lagi dilayani sebagai hamba jelata yang tidak berdaya melaksanakan kemahuannya. Seperti yang disebut oleh al-Kawakibiy tentang hamba abdi (*al-raqiq*) yang dalam banyak hal tidak memiliki kemahuan sendiri, ia hanya patuh dan menyerah kepada kemahuan tuannya. Nasib rakyat yang telah kehilangan kebebasan menentukan sendiri urusan hidupnya itulah yang diekspresikan secara puitis oleh penyair kenamaan, Rendra, "...hidup yang tergadai, fikiran yang dipabrikkan, dan masyarakat yang ditenakkan."

Apalah makna merdeka dan apalah erti demokrasi andainya rakyat sedemikian lemah, tidak mampu berfikir kritis-evaluatif dan tidak tahu nilai kuasa pilih atau undi yang mereka miliki sehingga sanggup menjualnya dengan harga murah. Walau apa pun hujah, bukti dan keterangan yang disampaikan, akhirnya mereka menjual undinya kepada parti yang

banyak wang. Integriti parti dan kewibawaan calon tidak lagi menjadi perhitungan. Maka terangkatlah "wakil-wakil rakyat" yang lebih sering berbicara sebagai wakil Perdana Menteri dan partinya, yang lebih mengutamakan kepentingan diri daripada nasib rakyat yang diwakili. Sandiwara politik demokrasi, Dewan Rakyat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti itulah yang disindir oleh Rendra dalam karya dramanya, **Kisah Perjuangan Suku Naga**:

(Masuklah Para Anggota Parlemen)

Koor: Kami dipanggil Sri Ratu
Inilah satu kehormatan
Kami semua orang bermutu
Sudah tampak dari pakaian.

Begitu jabatan kami dapat
pakaian segera dibikin
Kami dulu tokoh galak dan pembela
tapi kini jadi waspada dalam bicara
Sebab jabatan harus dijaga
Inilah politik namanya

Bila direcall sungguh celaka
Kerna itu sopanlah saja
Bila direcall hilang dasi dan lencana
ibarat telanjang rasanya

Tugas kami yang utama
adalah bicara-bicara
yang sifatnya membenarkan
tetapi menghindari perdebatan
Di dalam Parlemen
persatuan lebih utama dari perdebatan
Dan penyebab persatuan
adalah perintah atasan.

Kami adalah saluran
saluran peresmian
Kami diberi pakaian dan tata cara
seperti orang Eropah

Kami dibina untuk maju
Rakyat masih bodoh
harus diberi bimbingan

Dewan Perwakilan artinya dewan
pengarah
Usul oposan boleh diperdebatkan
Usul atasan harus segera diresmikan
Bila menyalahi ini itu berarti
di antara kami ada unsur subversi.

Antara yang jelas terungkap dalam petikan skrip drama tersebut adalah sindiran terhadap penyimpangan fungsi Dewan Perwakilan Rakyat (Parlimen) yang tidak lagi menjadi forum perbincangan tentang aspirasi dan tuntutan rakyat, tetapi hanya sekadar alat untuk mengendorse kemahuan atasan (Presiden, Perdana Menteri atau ketua parti). Dengan kata lain, nama rakyat hanya dipakai untuk memberikan keabsahan legal-konstitusional kepada kemahuan bos parti atau ketua kerajaan. Pihak yang sebenarnya menjadi atasan wakil rakyat tidak lain adalah rakyat sendiri. Malangnya, kesedaran seperti itu tidak ada pada wakil rakyat. Kekacauan sikap sedemikian diperjelas lagi dalam dialog berikut:

Abisavam: *Siapa yang menentukan pengarahannya?*

Ketua Parlemen: *Ya atasan.*

Abisavam: *Wah, atasan saudara itu kami, yang sebahagian besar terdiri dari orang Miskin. Ingat itu! Saudara adalah wakil rakyat, jadi atasan saudara adalah rakyat.*

Ketua Parlemen: *Sungguh sulit berdebat dengan Saudara.*

Abisavam: *Lho, Saudara sebagai wakil rakyat harus pandai berdebat. Sayang kalau hanya bisa bilang setuju saja.*

Pemberdayaan Rakyat

Sudah setengah abad kita merdeka, namun rakyat umumnya masih belum mampu bersikap mandiri, malah dalam banyak hal mereka semakin terjebak dalam sindrom ketergantungan. Segalanya bergantung kepada bantuan kerajaan. Gagasan Melayu Baru yang mampu berdiri sendiri tanpa bantuan tidak lebih daripada sekadar sandiwara slogan-slogan yang menghilang ditindih slogan-slogan baru. Besar sekali kemungkinan adanya kesengajaan menjadikan mereka rakyat yang *aid-dependent* dengan perkiraan bahawa mereka yang menjadi *aid-dependent* akan kehilangan *independence*. Dengan demikian mereka akan mudah diatur dan dikendalikan, termasuk pendirian politiknya. Mungkin itulah yang dimaksudkan oleh Rendra dengan ungkapan, "hidup yang tergadoi".

Memang rakyat sudah semakin tidak memiliki apa-apa. Institusi-institusi kerakyatan semakin menghilang. Ada yang ditutup dan ada pula yang diambil alih, sama ada oleh pemerintah atau badan-badan korporat. Yang tinggal banyak yang merana, hidup segan mati bila-bila. Antara contoh paling jelas adalah sekolah-sekolah agama rakyat yang suatu

ketika dahulu berdiri gagah dan meriah, tetapi kini sebahagiannya sudah gulung tikar dan sebahagian yang masih tinggal hidup dalam keadaan serba dhaif. Rasanya tidak salah jika kita simpulkan bahawa kedhaifan sekolah-sekolah agama rakyat tidak lain adalah manifestasi kedhaifan rakyat kita sendiri. Dalam keadaan *desperate* dan terdesak itulah lahirnya skim SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan) yang dipromosikan sebagai skim penyelamat. Memang demikianlah wajah lahiriahnya, tetapi siapalah yang tahu andainya yang terjadi nanti adalah sejenis *silent takeover*. Jika itu yang terjadi, mampukah SABK berkata tidak, sedang hukum yang berlaku adalah: *when the money speaks, the rest will be silent*.

Dakwah dan Misi Pemberdayaan

Misi pendakwaan sepanjang zaman adalah pemberdayaan manusia. Perintah kufur terhadap *taghut* dan beriman kepada Allah adalah dakwah pembebasan dari belenggu ke-*taghut*-an yang melumpuhkan manusia, dan sekaligus dakwah kepada tauhid yang mengembalikan daya hidup insan (...*da'akum lima yuhyikum*). Dengan semangat itulah gerakan pencerdasan dan penyedaran ini kita angkat menjadi agenda utama. Gerakan ini bukan sekadar aktiviti ringan-ringanan, tetapi suatu perjuangan yang menuntut komitmen imani yang setinggi-tingginya. Justeru, kepedulian sosial pada hakikatnya adalah pembuktian iman. Demikianlah maksud tersirat sabda Nabawi, "*Seseorang itu belum beriman (dalam erti yang semurninya) sehingga ia senang apabila saudaranya mendapat apa yang ia sendiri suka mendapatkannya*". Kecerdasan dan kesedaran sememangnya kita senang dan inginkan, maka sebagai bukti keimanan, kita harus pula berasa senang dan menginginkannya diperolehi juga oleh saudara-saudara rakyat Muslimin seluruhnya. Demikianlah murninya perjuangan yang didasari iman kepada Allah dan cinta sesama umat. Dasar spiritual keagamaan itulah yang akan menumbuhkan daya juang dan daya tahan yang berpanjangan. Kekuatan itulah juga yang menjadi penjana transformasi ummatik yang dilaksanakan oleh al-Rasul s.'a.w. dengan kejayaannya yang mencengangkan: merubah masyarakat jahiliah menjadi *khayra ummah* (umat terunggul). Tentang iman Nabi s.'a.w. memang tak siapa pun mampu menandinginya; sementara cinta dan kasih-sayangannya terhadap umat, Tuhan sendiri berkenan Nama *Ra'ufu 'r-Rahim*-Nya menjadi sifat Junjungan s.'a.w. (yang tentunya dengan pengertian dalam batas kemanusiaan al-Rasul s.'a.w.).

Penciptaan umat unggul era Nabawi, generasi sahabiy yang diterima secara universal sebagai model abadi masyarakat yang paling berjaya menghayati prinsip, nilai dan semangat ajaran Islam, bukan sangat kerana kuatkuasa undang-undang, tetapi kerana wujudnya kesedaran kolektif tentang tanggungjawab dan kesalingan cinta kasih-sayang sesama warga yang menumbuhkan kepedulian dan kepekaan yang cukup tinggi. Komitmen yang tinggi terhadap *al-amru bi 'l-ma'ruf wa 'n-nahyu 'ani 'l-munkar* tidak lain adalah manifestasi kepedulian yang didasari cinta. Setiap warga menginginkan agar dirinya dan semua saudara-saudara sewarga sama-sama menikmati hidup dalam kemakrufan dan terhindar daripada bencana kemungkaran.

Selain kekuatan iman (kepada Allah) dan cinta (terhadap umat), gerakan ini juga memerlukan kompetensi keilmuan yang terpadu dengan orientasi haraki. Dalam situasi keintelektualan hari ini memang terasa adanya keperluan yang sangat mendesak untuk mengintensifkan projek pembinaan intelektual haraki; model keintelektualan yang komited terhadap misi *ikhraj al-nas min al-zulumat ila al-nur* (pembebasan manusia dari belenggu kegelapan, menuju pencerahan) dan mengakar kuat di tengah umat. *Intellectual model* inilah yang diharapkan mampu memecahkan masalah '*ajz al-'ulama'*, kelemahan para ilmuwan sebagaimana yang pernah dibicarakan oleh 'Abd al-Qadir 'Awdah, dan masalah '*adam ta'thir al-muthaqqafin*, ketumpuhan daya pengaruh kaum inteligensia sebagaimana yang diungkapkan oleh Malik Bennabi. Intelektual haraki harus mampu tampil di tengah kancah sebagai *moral-cultural force*, kekuatan moral dan budaya yang siap untuk melawan gerakan pembodohan, pendangkalan dan pencemaran budaya.

Khatimah

Memang kita sedang menyaksikan zaman keleluasaan *fasad* dalam pelbagai bentuknya, dan umat kita sudah terlalu lama terorientasi dengan budaya tersebut sehingga mereka menerima *fasad* sebagai hal yang biasa dan normal. Demikianlah mereka menyikapi rasuah, politik wang, penyalahgunaan kuasa, amalan kroni, nepotisme dan yang sejenisnya. Gejala *fasad* yang sudah membarah itu memang tidak mungkin dapat ditangani dengan komitmen dan kekuatan yang kepalang tanggung. Kerana itu para ilmuwan haraki perlu memiliki kejujuran intelektual dan keberanian moral melawan *al-mufsidun* yangt selalu tampil dengan topeng *al-*

muslihun. Mungkin keadaan seperti inilah yang disenariokan oleh Pujangga R.N. Ronggowarsito dalam pemerianya tentang *Jaman Edan*, zaman gila yang diwarnai segala bentuk kebejatan dan tonggang-langgangnya segala tatanan moral, agama dan budaya. Pada zaman seperti itu sikap ikut-ikutan gila menjadi pilihan popular untuk meraih keuntungan. Pendekatan pragmatik-utilitarian "tak gila tak merasa" mendominasi pola kehidupan masyarakat. Namun, di tengah kegilaan yang tak terkawal itu, Ronggowarsito tetap yakin dan setia dengan misi kepujanggaannya, "Seuntung mana pun orang yang memilih untuk gila, masih lebih beruntung orang yang sedar dan berwaspada."

Hidup di zaman edan
gelap jiwa bingung pikiran
turut edan hati tak tahan
jika tidak turut
batin merana dan penasaran
tertindas dan kelaparan
tapi janji Tuhan sudah pasti
seuntung apa pun orang yang lupa daratan
lebih selamat orang yang menjaga kesadaran

R.Ng. Ronggowarsito (1802-1873).



ANTARA *DHIMMIY* DAN WARGANEGARA

Ab Halim Ismail

Dhimmiy ialah terminologi yang merujuk kepada warga bukan Islam yang berada di bawah pemerintahan Islam. Hak-hak mereka dilindungi sepenuhnya oleh pemerintah sama sebagaimana perlindungan yang diberi kepada orang-orang Islam sendiri. Abd al-Karim Zaidan menegaskan bahawa bila warganegara bukan Islam tinggal di bawah pemerintahan Islam, mereka memperoleh kedudukan yang khusus dan dikenal bersama kumpulan-kumpulan minoriti yang lain sebagai *ahl al-dhimmah*.¹ *Dhimmah* dalam bahasa Arab bermaksud perjanjian, jaminan dan keamanan. Kelompok bukan Islam dipanggil *ahl al-dhimmah* atau *dhimmiy* kerana mereka telah mengikat perjanjian dengan pemerintah Islam berserta Allah dan Rasul-Nya yang memberi mereka perlindungan dan jaminan keselamatan. Kedudukan mereka adalah sama seperti orang-orang yang diberi status warganegara oleh sesebuah kerajaan kepada orang asing yang menduduki sesebuah negara dan mereka berikrar mematuhi perlembagaan negara tersebut. Atas dasar ini kedudukan *dhimmiy* dalam negara Islam adalah sebagai warganegara yang sah.

Demikian pandangan yang dipersetujui oleh para fuqaha.² *Dhimmiy* dilindungi dari segi kehidupan, harta, kepercayaan agama dan ibadah, perniagaan dan undang-undang peribadi. Sebagai imbalan kepada jaminan tersebut mereka dikehendaki membayar *jizyah*³ seperti mana orang-orang Islam yang diwajibkan membayar zakat. Dengan bayaran *jizyah* mereka dilayan sama⁴⁴ sebagaimana orang-orang Islam. Dengan membuat bayaran tersebut, mereka diberi pengecualian dari berjihad atau berperang bagi mempertahankan negara iaitu tugas yang dipertanggungjawabkan ke atas orang-orang Islam.

Kehadiran kelompok yang dipanggil *dhimmiy* di tengah-tengah masyarakat Islam menjadi ketara ekoran gerakan-gerakan ketenteraan yang berjaya melebarkan penguasaan Islam ke atas wilayah-wilayah baru. Zaman pemerintahan Umar al-Khattab iaitu khalifah Islam yang kedua, merupakan permulaan gerakan perluasan wilayah atau *fituhat Islamiyyah*. Dalam tempoh ini dapat disaksikan bilangan orang-orang bukan Islam yang besar

jumlahnya bergabung dan berada di bawah pemerintahan Islam. Penguasaan ke atas wilayah-wilayah yang dulunya dikuasai oleh kuasa-kuasa Rom dan Parsi, menuntut kaedah yang lebih kemas bagi melayani penduduk bukan Islam di wilayah-wilayah tersebut. Para pemerintah selepas Umar al-Khattab, khususnya di era Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah, telah pula memperluaskan empayar Islam hingga meliputi wilayah-wilayah di utara Afrika termasuk Maghrib dan Mesir lalu menjangkau kemudiannya ke timur ke benua Indo-Pakistan dan juga wilayah-wilayah di sempadan negeri China. Kelompok *dhimmiy*, yang asalnya dirujuk kepada orang-orang Yahudi dan Nasrani, kini diperluas hingga meliputi orang-orang Kristian Koptik di Mesir, orang-orang Majusi dan Hindu di India. Dari pertengahan kurun ketujuh sampai akhir kurun kesebelas, lebih separuh dari para penganut agama Kristian adalah berada di bawah pemerintahan Islam.

Dhimmiy : Warganegara Kelas Dua?

Isu mengenai *dhimmiy* dan bayaran *jizyah* bukanlah perkara yang baru muncul di zaman para khalifah Islam. Perkara ini mempunyai tunjangan dari al-Quran. Mengenai hal ini, rujukan dibuat kepada ayat 29, Surah al-Taubah:

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ، وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat dan tidak mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar *jizyah* dengan patuh sedang mereka dalam keadaan tunduk (al-Taubah 9:29)

Ayat ini memerintah orang-orang Islam supaya memerangi mereka yang tidak beriman dengan Allah dan Hari Kiamat dari kalangan Ahl al-Kitab Yahudi dan Nasrani, hinggalah mereka setuju membayar *jizyah*. Hadis-hadis lain telah memperincikan perintah tersebut.⁵ Antara yang diperjelas oleh hadis ialah

mereka ditawarkan dengan tiga pilihan; sama ada memeluk Islam atau (sekiranya enggan memeluk Islam, mereka dikehendaki membayar *jizyah* atau (sekiranya mereka menolak kedua-dua pilihan ini) pilihan ketiga iaitu mereka akan diperangi. Golongan yang menolak untuk memeluk Islam dan sedia membayar *jizyah* merupakan golongan *dhimmiy* yang dilindungi dan hak-hak mereka dijamin oleh pemerintahan Islam.

Bagaimanapun konsep *dhimmiy* dan pelayanan terhadap mereka telah menjadi bahan kajian pelbagai pihak yang sebahagiannya menggunakan konsep ini untuk memburuk-burukkan Islam dan menjadikannya sebagai bukti diskriminasi, penindasan dan amalan perhambaan terancang oleh Islam terhadap orang-orang bukan Islam bagi menjadikan mereka *ipso facto dhimmis* atau "warganegara kelas dua". Ayat al-Quran dengan maksud "sehingga mereka membayar *jizyah* sedang mereka dalam keadaan tunduk" (al-Taubah, 29), ditafsir bagi menggambarkan bagaimana Islam menentukan cara membayar *jizyah* yang merendah dan menghina serta menjatuhkan maruah golongan *dhimmiy*. Mereka menggambarkan seolah-olah adanya kaedah khusus yang perlu dipatuhi oleh golongan *dhimmiy* semasa menyerahkan wang *jizyah*, sebagai lambang kehinaan dan kerendahan martabat mereka. Gambaran ganjil ini sering diungkit dan diulang bagi membuktikan bahawa Islam adalah agama yang diskriminatif, menindas dan menghina manusia (orang-orang bukan Islam).

Berhubung dengan perkataan *saghar* dalam ayat 29, Surah al-Taubah: **حتى يعطوا الجزية وهم صاغرون** (sehingga mereka membayar *jizyah* sedang mereka dalam keadaan tunduk), kebanyakan ulama⁶ menolak tafsiran yang membawa maksud 'merendah dan menghina' orang-orang bukan Islam ketika membayar *jizyah* seperti tunduk dan berada diposisi lebih rendah ketika menyerahkan bayaran. Imam Nawawi menolak gambaran demikian dan menegaskan bahawa tiada sumber yang memberi gambaran demikian.⁷ Jumhur ulama juga menolak penafsiran seumpama itu. Kebanyakan mereka berpandangan *jizyah* hendaklah diambil dengan cara yang baik dan penuh hormat. Imam Nawawi menggambarkan 'baik dan tertib' itu adalah 'sebagaimana seseorang itu mengambil kembali bayaran hutang'.⁸ Hal yang sama disebut oleh Ibn Qudamah dalam kitab *al-Mughni*.⁹

Ibn Qayyim pula menegaskan bahawa gambaran cara mempersembahkan *jizyah* yang bersifat menghina itu tidak mempunyai dalil, tidak bersandarkan nas dan

tidak bersumber dari Rasulullah, dan para Sahabah tidak memperlakukan demikian.¹⁰ *Saghar* atau *saghirun* dalam ayat tersebut, menurut Ibn Qayyim, membawa erti "iltizam mereka (untuk akur dan patuh) dengan pelaksanaan hukum negara dan pembayaran *jizyah*". Imam Shafie menafsirkan bahawa 'kesediaan membayar *jizyah*' itu telah mewakili maksud *saghar* iaitu sebagai pertanda umum ketundukan 'mereka yang dikuasai' terhadap 'pemerintah yang berkuasa'.¹¹ Dr Yusuf al-Qaradawi, sama sebagaimana Imam al-Shafie, mengertikan 'tunduk' sebagai menyerah dan patuh kepada peraturan dan undang-undang pemerintah Islam.¹²

Harus disedari bahawa *jizyah* tidak dikenakan kepada semua orang bukan Islam. Hanya lelaki dewasa yang sihat dan mampu mengangkat senjata sahaja diwajibkan membayar *jizyah*. Wanita, kanak-kanak, orang-orang yang tidak mampu kerana miskin, hamba-hamba sahaya, orang kurang upaya; buta, cacat, lumpuh, para *ahbar* (pendeta Yahudi) dan *ruhban* (pendeta Nasrani) buruh harian, pesakit kronik (sekalipun kaya) dikecualikan dari membayar *jizyah*. Oleh kerana *jizyah* juga menjadi balasan kepada jaminan keselamatan, maka terdapat kes-kes pemerintah Islam memulangkan kembali bayaran *jizyah* apabila ternyata mereka tidak lagi mampu menjamin keselamatan para *dhimmiy*.

Abu Yusuf, dalam al-Kharaj, menyebut bahawa Abu Ubaidah al-Jarrah pernah memulangkan kembali bayaran *jizyah* kepada penduduk di beberapa daerah di Syria, apabila tentera Islam tidak lagi dapat menjamin keselamatan mereka ekoran bertambahnya gerakan-gerakan ketenteraan Rom di sempadan bagi merampas kembali daerah-daerah tersebut. Sebaliknya apabila golongan *dhimmiy* ini bergabung dengan pasukan ketenteraan bagi mempertahankan keselamatan bersama, mereka bukan sahaja tidak dikenakan *jizyah* bahkan mendapat hak dari harta rampasan perang.¹³ Sekiranya memeluk Islam, status *dhimmiy* dengan sendirinya terlucut dari diri mereka dan mereka berkewajipan pula membayar *zakat* dan bukan lagi *jizyah*. Ternyata istilah dan kategori *dhimmiy* tidak bertujuan merendah-rendahkan kedudukan warga bukan Islam sebaliknya istilah tersebut membuktikan 'komitmen pemerintah Islam untuk melaksanakan amanah perlindungan terhadap mereka'.¹⁴

Shurut 'Umariyyah

Kalangan mereka yang cuba memburuk-burukkan Islam dalam soal layanan terhadap kaum *dhimmiy* sering menggunakan satu dokumen bertulis yang

dikenali sebagai *Pact of Omar* (dalam bahasa Arab *Shurut Umariyyah* atau *al-'Uhd al-Umariyyah*). Dikatakan perjanjian ini dihasilkan di kurun ke-7 Masehi. Terkandung di dalamnya syarat dan peraturan serta kewajipan yang kononnya dikenakan ke atas orang-orang Kristian Syria yang ditundukkan semasa pemerintahan Umar al-Khattab. Kandungan perjanjian ini digunakan bagi membuktikan penghinaan dan layanan buruk Islam terhadap warga bukan Islam yang berada di bawah pemerintahan Islam. Antara penulis-penulis yang mengambil kesempatan dari perjanjian ini untuk memburuk-burukkan Islam ialah Bat Ye'or, Robert Spencer dan Pamela Geller.¹⁵

Kandungan perjanjian ini antara lain mengandungi larangan terhadap kaum *dhimmiy* Kristian dari membina gereja baru, melarang memperbaiki gereja yang rosak, tidak boleh mempamer syiar agama mereka, mesti bangun dari tempat duduk mereka bagi memberikannya kepada orang Islam, tidak boleh berpakaian yang menyerupai orang-orang Islam, memakai tali pinggang khas sebagai pengenalan diri, dikehendaki memakai loceng, tidak boleh membawa senjata, tidak boleh mempamerkan salib dan kitab-kitab mereka, tidak boleh membangunkan rumah lebih tinggi dari rumah milik orang-orang Islam dan bahkan mereka diberi tanda di kepala mereka. Kandungan perjanjian demikian menjadi bahan kesukaan penulis-penulis anti Islam bagi merendahkan Islam. Di sebalik perjanjian ini terdapat beberapa keanehan dan tandatanya besar yang menggugat kesahihannya.¹⁶

Sekiranya diteliti secara adil, akan didapati bahawa bentuk layanan terhadap golongan *dhimmi* seperti yang digambarkan dalam *Shurut* jelas berlawanan dengan asas-asas ajaran Islam yang terdapat dalam al-Quran, hadis-hadis dan amalan Baginda Rasulullah s.a.w. Islam secara jelas dan tegas menganjurkan supaya berlaku adil, saksama dan bertimbang rasa terhadap insan sama ada Muslim atau bukan Muslim, khususnya golongan *dhimmiy*. Ini disebabkan '*ahd al-dhimmah* (perjanjian melindungi *dhimmiy*) bukan sekadar perjanjian biasa tetapi 'perjanjian dari Allah, Rasul-Nya dan masyarakat Islam'¹⁷ Dalam satu Hadis Sahih, Baginda bersabda dengan maksud, "Sesiapa yang membunuh orang kafir yang telah mengikat perjanjian (*mu'ahid*), dia tidak akan mencium bau

harum syurga, pada hal bau syurga itu dapat dicium dari jarak empat puluh tahun".¹⁸

Dalam satu hadis lagi, Baginda bersabda yang bermaksud, "Sesiapa yang menyakiti *kafir dhimmiy*, maka aku adalah musuhnya pada Hari Kiamat".¹⁹ Juga dalam satu hadis yang lain. "Sesiapa yang menyakiti *ahl al-dhimmah*, maka dia telah menyakitiku dan sesiapa yang menyakitiku dia telah menyakiti Allah".²⁰ Tulisan al-Qaradhawi mencatatkan pandangan bahawa perbuatan mengumpat *ahl al-dhimmah* adalah haram sebagaimana haramnya mengumpat seorang Muslim.²¹ Bahkan Islam bertindak lebih jauh dengan mengangkat kedudukan *dhimmiy* setingkat dengan orang-orang Islam dari segi hak dan tanggungjawab. Seperti yang terkandung dalam ungkapan yang masyhur oleh para fuqaha **لهم ما لنا و عليهم ما علينا** (bagi mereka hak yang sama seperti apa yang kita miliki dan ke atas mereka tanggungjawab yang sama seperti yang kita tanggung).²²

Melihat keprihatinan luar biasa Umar al-Khattab terhadap golongan *dhimmiy*, sukar untuk kita mempercayai *Shurut* bersumber daripada beliau. Dinukilkan bahawa di saat-saat Umar berdepan

dengan kematian, beliau masih menunjukkan keprihatinannya terhadap warga *dhimmiy*, apabila beliau m e n g i n g a t k a n penggantinya, "Aku m e n g i n g a t k a n pemerintah selepasku supaya memberi

layanan yang baik terhadap *ahl al-dhimmah*, menjaga perjanjian dengan mereka dan tidak mengenakan cukai yang melebihi kemampuan mereka".²³

Dalam satu peristiwa lain, apabila beliau menemui seorang Yahudi tua yang buta lagi dhaif bergelandangan meminta sadaqah dan apabila didapati tujuannya meminta sadaqah ialah untuk mendapatkan wang bagi membayar *jizyah*, lalu Umar memerintah supaya *bait al-maal* (perbendaharaan negara) mengambil tanggungjawab menjaga keperluan orang tua itu sepanjang hayatnya dan Umar mengungkap- "Kita telah tidak berlaku adil kepadanya, kita mengutip *jizyah* semasa mudanya tetapi kita mengabaikannya semasa tuanya".²⁴ Umar juga telah memberi interpretasi yang menarik terhadap ayat al-Quran²⁵, Surah al-Taubah apabila dia menafsir perkataan *al-fuqara* dalam ayat tersebut

Tulisan al-Qaradhawi mencatatkan pandangan bahawa perbuatan mengumpat *ahl al-dhimmah* adalah haram sebagaimana haramnya mengumpat seorang Muslim.

sebagai merujuk mereka yang dhaif dari kalangan Muslimin sementara *al-masakin* pula kepada golongan *dhimmiy* Kristian dan Yahudi yang berada di bawah pemerintahan Islam. Antara kisah menarik ialah bagaimana Umar memerintah supaya dilaksanakan qisas terhadap anak 'Amr ibn al-'As, Gabenor Mesir ketika itu kerana anaknya telah memukul seorang pemuda Kristian Koptik.²⁶

Berlatarkan hujah-hujah ini adalah tidak munasabah menisbahkan *Shurut* kepada Umar al-Khattab apatah lagi untuk menganggapnya sebagai pendirian dan syari'at Islam. Seperti yang disebut oleh A S Tritton dalam *The Caliphs and Their Muslim Subject - a critical study of the Covenant of 'Umar*, "The conclusion forced on one is that no one knew what the covenant of 'Umar was, and any collection of peace terms might be glorified with his name".²⁷ Ada di antara penulis memanggilnya 'dokumen yang disangsikan kebenaran' (*apocryphal document*)²⁸ dan ada yang menyebutnya 'perjanjian palsu' yang dikaitkan dengan 'Umar (*spurious treaty ascribed to the Caliph 'Umar*).²⁹ Kenyataan bahawa pemerintah-pemerintah Islam tidak mengendahkan perjanjian tersebut, apatah lagi menguatkuasakannya, membuktikan bahawa dokumen ini tidak mempunyai wibawa untuk diangkat mewakili pendirian dan sikap Islam.

Sekiranya para pengkaji ini mengambil sikap yang lebih objektif dan adil mereka akan dapati bahawa sikap dan layanan Islam terhadap *dhimmiy* sepanjang sejarahnya adalah luar biasa dan melampaui piawai yang pernah ditemui oleh sejarah. Mark R. Cohen³⁰ merumus dalam bukunya *Under Crescent and Cross*, "that while dhimmis were certainly not living under any sort of interfaith utopia, they did have better living conditions than nonbelievers in the Christian West". Gianstefano C. Martin menyebut dalam tesisnya, *The Dhimmi Narrative*, "One can certainly argue that considering the times, the degree of respect and toleration afforded non-Muslims as religious minorities in Muslim lands was much greater than that afforded non-Christian in Christian land".³¹ Fathi Osman mengemukakan pandangan yang sama bila beliau menyebut, "The precepts relating to *ahl al-dhimmah* or the non-Muslim inhabitants of the Muslim state are very advanced in terms of achieving justice and good treatment, in case they are placed within their historical context, and compared with what is happening in the major states at the time."³²

Piagam Keistimewaan

Sejarah Islam menyimpan dokumen-dokumen yang lebih autentik yang dibuat semasa hayat Rasulullah

s.a.w. atau oleh para khalifah dan para sahabat selepasnya. Selain dari dokumen *Sahifah Madinah* yang terkenal itu, Baginda Rasulullah s.a.w. pernah membuat perjanjian yang amat bersejarah dengan orang-orang Kristian dari Gereja St. Catherine, Sinai pada tahun 628 Masehi. Baginda menandatangani dengan cap tapak tangan baginda sendiri. Dokumen yang dikenali sebagai *Charter of Privileges* atau Piagam Keistimewaan³³ mengiktiraf orang-orang Kristian sebagai sekutu Islam dan memberi mereka sepenuhnya kebebasan beragama, jaminan memelihara gereja-gereja mereka dan ikatjanji untuk mempertahankan mereka dari sebarang gangguan.

Dua klausa yang menarik dalam perjanjian itu ialah, pertama kata-kata yang berbunyi: "Ini adalah pesan dari Muhammad bin Abdullah, sebagai perjanjian bagi siapapun yang menganut agama Kristian, jauh dan dekat, bahawa kami bersama mereka", kedua kata-kata yang berbunyi, "Tiada Muslim boleh ingkar, tidak mematuhi perjanjian ini hinggalah ke Hari Akhir". Kata-kata ini menjadikan perjanjian ini merentasi sempadan tempat dan waktu. Dr. Muqtader Khan, Director of Islamic Studies, University of Delaware dan felo di Institute for Social Policy and Understanding, perjanjian tersebut mengengahkan, "unprecedented examples of religious tolerance and inclusiveness."³⁴

Contoh lain ialah perjanjian yang ditandatangani oleh 'Umar al-Khattab dengan penduduk Aelia (Bayt al-Maqdis) pada tahun 637 Masehi. Perjanjian ini memberi jaminan keamanan kepada penduduk Kristian, pemeliharaan harta, kehidupan dan agama mereka secara jelas dan tegas. Maher Abu Munshar dalam satu tulisannya *Islamic Jerusalem: A Model for Multiculturalism*,³⁵ menganjurkan agar perjanjian ini dijadikan sebagai model bagi membangun masyarakat pelbagai budaya dan agama. Sekiranya para pengkaji Barat bersikap adil dan tidak *bias* tentunya banyak yang boleh dipelajari dari khazanah dan sejarah Islam untuk dijadikan panduan dalam usaha membina dunia yang lebih harmonis.

Dhimmiy: Masih Relevenkah Kini?

Dhimmiy dalam maksud dan pengertian yang difahami, sudah tidak dapat diaplikasi dalam suasana dunia hari ini. Munculnya kelompok *dhimmiy* di zaman-zam awal Islam adalah hasil peperangan dan perluasan wilayah atau terjadi sebagai akibat langsung dari jihad dan perang (al-Taubah 9:29). Akibatnya muncul 'kelompok bukan Islam yang dikuasai' atau yang membuat keputusan untuk tunduk dan berada di bawah pemerintahan Islam atau mereka yang mengikat perjanjian bagi mendapat perlindungan dari pemerintahan Islam. Peperangan bukan lagi merupakan norma yang lumrah bagi

negara-negara moden bagi menyelesaikan masalah. Kini ada undang-undang antarabangsa yang dipersetujui bersama serta peranan mahkamah antarabangsa yang diiktiraf oleh negara-negara dunia. Era perluasan wilayah dan pengembangan pengaruh keagamaan melalui ketenteraan tidak lagi diterima oleh masyarakat hari ini.

Dengan demikian tiada lagi kelompok bukan Islam yang menyerah dan tunduk kepada sebuah kuasa pemerintah Islam yang dominan seperti masa-masa lalu. Ini menjadikan kategori *dhimmiy* tidak relevan lagi. Hal ini ditambah dengan kenyataan bahawa sebahagian besar dari kelompok bukan Islam yang ada hari ini dilahir dan membesar dalam negara-negara Islam. Mereka bukan lagi *dhimmiy*, kerana keberadaan mereka di negara-negara Islam bukan akibat penaklukan dan perluasan wilayah atau natijah dari perjanjian-perjanjian damai. Mereka lahir di negara-negara ini dan itulah negara tempat tumpah darah mereka dan di situ jugalah mereka membesar dan mencari rezeki penghidupan. Ini antara realiti baru yang berbeda dari apa yang berlaku di zaman-zaman awal Islam.

Setelah berabad-abad masa berlalu, mereka yang bukan Islam di negara-negara Islam bukan lagi kelompok minoriti lemah yang perlu dilindungi atau meminta untuk dilindungi. Mereka kini merupakan bahagian yang integral dari rakyat keseluruhan. Mereka turut memainkan peranan, yang sebahagiannya amat signifikan dalam pembangunan negara sejak sekian lama. Dalam bidang-bidang tertentu mereka memiliki kekuatan yang terkadang melebihi kekuatan yang dimiliki orang-orang Islam sendiri. Sejarah moden mencatatkan bagaimana kelompok bukan Islam bersama penduduk yang lain turut berkorban dalam memperjuangkan kemerdekaan negara. Setelah kemerdekaan sebahagian mereka menjadi anggota tentera dan polis yang bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara. Mereka juga mungkin menjadi penggerak utama kemajuan ekonomi negara serta turut membayar pelbagai jenis cukai sebagaimana yang dibayar oleh warganegara-warganegara yang lain. Mereka yang demikian tidak lain adalah rakyat dan warganegara yang sah dan istilah *dhimmi* tidak lagi sesuai untuk menerangkan sifat mereka.

Perubahan-perubahan yang terjadi selepas kejatuhan Khalifah Uthmaniah dan period pasca kolonialisme telah mengubah sama sekali geo-politik negara-negara Islam. Natijahnya terbentuklah rupa pemerintahan yang berbeda dari pemerintahan di zaman-zaman Rasulullah s.a.w., Khulafa' al-Rasyidin, Daulah Umayyah dan

Abbasiyah. Sejarah moden melihat kemunculan negara-negara bangsa (*nation states*) yang berbeda dari negara kekhalifahan Islam tradisi. Negara-negara Islam pasca-penjajahan dibangun hasil perjuangan bersama orang-orang Islam dan bukan Islam. Kelompok bukan Islam akhirnya diiktiraf mempunyai kedudukan yang sama, sekalipun mereka merupakan golongan minoriti. Di sesetengah negara Islam mereka merupakan golongan yang signifikan dari segi bilangan dan peranan. Dalam situasi seperti ini, bertindak melayani mereka sebagai *dhimmiy* akan hanya mengundang ketegangan, penentangan dan ketidakstabilan.

Suatu hal yang harus diakui bahawa kebanyakan negara-negara Islam moden bergerak menuju sistem demokrasi. Kedudukan rakyat dan konsep kewarganegaraan atau *muwatanah* (citizenship) telah diterima pakai sebagai konsep yang dianggap terbaik dan bersifat sejagat. Kewarganegaraan dilihat sebagai satu kontrak sosial antara individu dengan satu komuniti politik iaitu negara. Negara menyediakan perlindungan dan keperluan ekonomi, politik dan sosial berdasarkan undang-undang dan perlembagaan yang memberi layanan yang sama kepada semua individu sebagai manusia. Individu-individu pula akan memberi kepatuhan kepada negara dan menggunakan undang-undangnya bagi mendapatkan dan mempertahankan haknya.

Konsep ini dilihat harmoni dengan undang-undang Islam yang mendokong konsep keadilan, kesatuan manusia, kehormatan insan, kebebasan beragama, kesamaan hak dan lain-lain. Menurut Qasim Saeed, konsep kewarganegaraan moden seperti ini tidak bermasalah kerana ia bersesuaian dengan konsep *bay'ah*³⁶ dalam Islam. Syed Sikandar pula menegaskan bahawa konsep kewarganegaraan yang diaplikasi kini konsisten dengan *maqasid al-shari'ah* dan selari dengan konsep egalitarian Quran dan Sunnah.³⁷ Orang-orang bukan Islam hari ini adalah warganegara yang tidak terikat lagi dengan parameter *dhimmah* dan *jizyah*, sebaliknya mereka tertakluk kepada etika dan norma sejagat yang mendokong keharmonian hidup semua warga, saling menghormati agama-agama lain dan menjaga sensitiviti penganut-penganutnya serta tiada pemaksaan peraturan sosial oleh mana-mana pihak yang dominan. Semua ini mendorong para sarjana memberi saranan bahawa wacana moden harus keluar dari paradigma tradisi: ia harus berubah dari *'aqd al-dhimmah* kepada *dustur* (perlembagaan) dan dari *dhimmah* kepada *muwatanah* (warganegara).

Beberapa orang tokoh seperti Javed Ahmad Ghamidi, Fathi Osman, Abu al-Majd cenderung menyatakan

bahawa peraturan dan hukum tentang *dhimmiy* adalah bersifat *contextual and situational*, terkait dengan latar belakang sejarah tersendiri yang tidak wujud lagi dalam konteks sekarang. Bagi Ghanoushi, ayat 29, Surah al-Taubah tersebut tidak bersifat umum tetapi merujuk kepada satu peristiwa yang khusus iaitu melibatkan orang-orang Yahudi di Khaybar. Bagi Ghanoushi konsep *dhimmah* adalah ekspresi sejarah hubungan Muslim dan bukan Muslim yang sudah tidak *valid* lagi. Fahmi Huwaydi, bahkan menulis bukunya *Muwatinun la Dhimmiyyun* (Warganegara bukan lagi *Dhimmi*). Beliau menyebut dalam bukunya, "But it (*dhimmah*) lost its sense of responsible use in treating non-Muslims in the course of history. As such, he does not see any reason for adhering to this name in relation to non-Muslim today".³⁸

Pandangan-pandangan ini memberi makna bahawa *dhimmiy* bukanlah konsep yang rigid, bersifat tetap dan terpakai sepanjang zaman. Apabila masa berubah dan suasana bertukar, konsep ini menjadi tidak relevan dan tidak sesuai untuk dikuatkuasakan. Sultan Abd al-Majid, pemerintah Turki 'Uthmani, pada tahun 1839 melalui perintah *Khatti-Sherif of Gulhane* telah mengisytiharkan prinsip persamaan untuk semua rakyatnya tanpa mengira agama dan kepercayaan. Perintah tersebut diikuti oleh perintah *Khatti-Humayun*, pada tahun 1856, yang sekali lagi mengisytiharkan prinsip persamaan antara orang-orang Islam dan bukan Islam diikuti dengan penghapusan *jizyah* sepenuhnya serta kebenaran untuk orang-orang bukan Islam menyertai tentera. Ini memberi pengertian bahawa sejak itu kelompok yang dipanggil *dhimmiy* sudah tidak wujud lagi.

Gagasan

Islam mempunyai prinsip-prinsip yang kuat dalam membina bentuk hubungan yang maju antara warga Islam dan bukan Islam dalam sesebuah negara. Rujukan utama yang harus dilakukan ialah terhadap *Sahifah Madinah* atau Piagam Madinah iaitu satu gagasan politik bernegara oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang meletakkan dasar-dasar penting hubungan warga bukan Islam dengan warga Islam. Melalui piagam ini sebuah komuniti telah dibentuk, dikenali sebagai *ummah*, menggabungkan kaum Muslimin (orang-orang Muhajirin dan Ansar) dan berbagai kelompok kaum Yahudi yang berada di Madinah. *Sahifah* mengandungi asas kehidupan bersama yang jelas, berdasarkan prinsip keadilan, saling menghormati dan pengiktirafan hak-hak asasi semua pihak. *Sahifah* berjaya menyatukan kota yang dihuni oleh pelbagai kelompok dan kabilah, pelbagai agama, budaya dan bahasa. Hasilnya ialah 'sebuah komuniti tunggal' (*one single community*) yang berjaya menutup ruang untuk sebarang dasar

diskriminatif dan menghalang sesiapa dari merasai diri sebagai 'warganegara kelas dua'.

Gagasan yang terkandung dalam *Sahifah* ini mampu memberi penyelesaian terhadap masalah-masalah berat berkaitan dengan isu-isu kepelbagaian kaum, agama dan budaya yang dihadapi oleh hampir semua negara moden. Model *Sahifah* adalah jelas, mudah dan tanpa kekaburan dan seharusnya menjadi rujukan asas dan awal tentang model Islam tentang hubungan Islam dan bukan Islam serta prinsip hidup bersama. Hal ini didukung oleh Syed Sikandar Haneef bila beliau menyebut, "constitutional precedent of the Prophet (*Sahifah al-Madinah*), predating the law of *dhimmah* is an *ipso facto* evidence of the original position on non Muslim's equal nationality status in Islam."³⁹

Islam meletakkan prinsip-prinsip yang jelas sebagai asas pembinaan negara melalui kerangka yang fleksibel, mampu menampung keragaman yang wujud dalam masyarakat manusia termasuk dalam menangani isu-isu kepelbagaian agama, bangsa dan budaya. Ketegasan Islam dalam mendokong konsep dan prinsip kesatuan manusia sejagat, kemuliaan insan, kebebasan beragama, keadilan dan pemeliharaan hak-hak insan perlu digarap bersama naratif kegemilangan masa lalu dalam membina masyarakat baru khususnya di negara-negara Islam. Beberapa dasar penting perlu dipertimbang dalam menentukan posisi orang-orang bukan Islam dan polisi-polisi yang berkaitan dengan mereka. Antara yang terpenting ialah asas-asas keadilan, kesatuan insan dan dasar tiada pemaksaan dalam beragama. Perkara-perkara ini ditegaskan oleh al-Quran menerusi ayat-ayat berikut:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi bantuan kepada kerabat, dan Dia melarang (melakukan) perbuatan keji, kemungkar dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil peringatan. (Al-Nahl 16:90).

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Wahai manusia! Sungguh telah Kami ciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal. Sungguh, yang paling mulia di antara kamu ialah orang yang paling bertaqwa. Sungguh Allah Maha Mengetahui, Maha Teliti. (al-Hujurat 49:13).

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ كُنِيَ الْإِسْلَامُ مِنَ الْإِيمَانِ

Tidak ada paksaan dalam (menganut) agama (Islam). Sesungguhnya telah jelas perbezaan antara petunjuk (yang benar) dari kesesatan. (al-Baqarah 2:256).

Ghanushi berpandangan bahawa hukum-hukum umum yang terdapat dalam ayat-ayat ini adalah pendirian *de jure* Islam tentang kesaksamaan kewarganegaraan mereka yang bukan Islam.⁴⁰

Di negara-negara hari ini, termasuk di Malaysia, warga bukan Islam tidak lagi berhadapan dengan desakan membuat pilihan, sama ada memeluk Islam, atau tunduk membayar jizyah atau diperangi. Tidak ada sebab yang membolehkan pihak pemerintah di negara ini berbuat demikian. Apatah lagi kelompok bukan Islam sendiri adalah bahagian dari apa yang disebut kerajaan dan pemerintahan. Walaupun Islam dicatat sebagai agama negara, namun sistem demokrasi yang dipegang dan perlembagaan yang dijunjung, memberi mereka kebebasan penuh dalam soal agama dan kepercayaan.

Namun demikian masih terdapat kecenderungan beberapa pihak untuk berpegang secara ketat dengan karya-karya klasik tentang konsep *harbi* dan *dhimmiy*, lalu cuba menafsir fenomena hari ini dengan menggunakan paradigma yang sama tanpa mengambilkira konteks zaman, realiti dan perubahan-perubahan baru yang telah terjadi. Sebarang dasar yang diasas kepada pendekatan ini akan berakhir dengan kegagalan yang mencomotkan wajah Islam di mata masyarakat. Kata-kata al-Shatibi yang sering dikutip menyebut bahawa sebarang usaha memahami nas dan mengaplikasikannya tanpa mengambilkira konteks nas tersebut, merupakan tindakan yang *counterproductive*.⁴¹ Ketaksuban kepada teks tradisi dan pandangan-pandangan ulama silam serta kegagalan memahami *al-waqi'* atau realiti kini mengakibatkan munculnya pandangan dan kesimpulan yang ganjil. Seorang tokoh agamawan pernah mengaitkan penentuan *dhimmiy-harbi* dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi dengan kepatuhan kepada kepimpinan politik.⁴²

Di kebanyakan negara, golongan yang bukan Islam merupakan rakan dalam pembangunan dan pemerintahan. Mereka bukan lagi kelompok lemah yang mengharapkan belas ihsan, juga bukan 'rakyat kelas dua' yang harus tunduk dan akur tanpa pilihan. Soal sekarang bukan lagi *dhimmiyyun* kepada *muwatinun* tetapi *taqaasam al-sultah* (power-sharing). Dr Siddiq Fadil menghujah, "Justeru, yang mereka perlukan bukan *dhimmah* (perlindungan) tetapi *power-sharing* (perkongsian kuasa) setimpal dengan kekuatan mereka."⁴³ Persoalan yang berbangkit ialah apakah orang-orang Islam mempunyai sikap terbuka lalu sedia menerima mereka yang bukan Islam sebagai rakan penuh dalam pembangunan dan kuasa pemerintahan?

Ab Halim Ismail adalah Setiausaha Agung Wadah Pencerdasan Umat Malaysia

(Nota hujung)

¹ Berdasarkan skema pengkategorian klasik, sekurang-kurangnya ada tiga kategori orang-orang bukan Islam dalam hubungan dengan pemerintah Islam iaitu *dhimmi* (mereka yang dilindungi), *harbi* (mereka yang diperangi) *mu'ahid* (mereka yang membuat perjanjian damai).

² Diungkap oleh al-Qaradhawi dalam bukunya *Golongan Bukan Muslim dalam Masyarakat Islam* (ABIM, 1999), m.s xix. Pandangan yang sama juga disebut oleh Abd al-Karim Zaidan dalam *Ahkam al-Dhimmiyyun wa al-Musta'minin fi Dar al-Islam*, m.s. 63. Demikian juga pandangan Abd al-Qadir Audah dalam *Tasyri' al-Jinaiy*, m.s. 307.

³ *Jizyah* dari perkataan *ja za ya* yang membawa pengertian balasan. Dalam konteks ini *jizyah* bermaksud balasan bagi jaminan keamanan dan perlindungan yang diberi kepada warga bukan Islam oleh pemerintahan Islam.

⁴ Diriwayat dari Ali ibn Abi Talib, beliau berkata, "Mereka membayar *jizyah* agar darah mereka senilai dengan darah kita dan harta mereka setaraf dengan harta kita"... dan *diyāt* (bayaran denda kerana membunuh) sebanyak *diyāt* kita".

⁵ Antaranya ialah hadis berikut:

عن بريدة بن الحسيب الأسلمي قال: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم، إذا أمر أمير على جيش أو سرية، أوصاه بخاصته بتقوى الله ومن معه من المسلمين جيرا. ثم قال (اغزوا باسم الله. وفي سبيل الله. قاتلوا من كفر بالله. اغزوا ولا تغلوا ولا تغدروا ولا تميلوا ولا تقتلوا وليدا. وإذا لقيت عدوك من المشركين فادعهم إلى بلان حصال (أو جلال). فأيتهم ما أجابوك فاقبل منهم وكف عنهم. ثم ادعهم إلى الإسلام. فإن أجابوك فاقبل منهم وكف عنهم. ثم ادعهم إلى التحول من دارهم إلى دار المهاجرين. وأجبرهم أنهم، إن فعلوا ذلك، فلهم ما للمهاجرين وعليهم ما على المهاجرين. فإن أبوا أن يتحولوا منها، فأجبرهم أنهم يكونون كأعراب المسلمين. يجري عليهم حكم الله الذي يجري على المؤمنين. ولا يكون لهم في الغنيمه والقيء شيء. إلا أن يجاهدوا مع المسلمين. فإن هم أبوا فسلهم الجزية. فإن هم أجابوك فاقبل منهم وكف عنهم. فإن هم أبوا فاستعن بالله وقاتلهم.

Dari sahabat Buraidah bin Husaib al-Aslami, beliau berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. jika mengangkat seorang amir (komandan) untuk satu pasukan atau sariyah, Baginda memberi wasiat secara khusus supaya bertaqwa kepada Allah dan melayani pasukannya dengan baik. Baginda bersabda: Berperanglah kamu atas nama Allah, dan pada jalan Allah. Perangilah mereka yang kufur kepada Allah. Berperanglah, jangan melampau, jangan khianat, jangan berdendam, jangan membunuh anak kecil. Jika kamu menghadapi musuh dari kalangan orang-orang musyrik, maka serulah mereka kepada tiga hal. Mana saja dari tiga hal itu mereka penuhi, maka

terimalah dan tahanlah dirimu dari memerangi mereka. Kemudian serulah mereka kepada Islam. Jika mereka memenuhinya, maka terimalah maka tahanlah dirimu dari memerangi mereka. Kemudian serulah mereka agar berpindah dari daerah mereka ke daerah Muhajirin. Beritahu mereka jika mereka melaksanakannya, maka mereka akan mendapat seperti yang didapat orang-orang Muhajirin dan berkewajiban seperti kewajiban orang-orang Muhajirin.. Jika mereka menolak untuk berpindah dari sana, maka beritahulah mereka bahawa mereka seperti orang asing bagi orang-orang Muslim. Hukum Allah berlaku atas mereka seperti yang berlaku atas orang-orang Mukmin. Mereka tidak mendapat sedikitpun dari harta rampasan perang dan fa'I, kecuali mereka berperang bersama-sama orang-orang Islam. Jika mereka menolak hal itu maka mintalah **jizyah** dari mereka..Jika mereka memenuhi seruanmu, maka terimalah mereka dan tahanlah dirimu dari memerangi mereka. Jika mereka tetap menolak, maka mintalah pertolongan Allah dan perangilah mereka (Riwayat Muslim dan Ahmad).

⁶ Namun pengertian *saghar* dengan maksud melayani *dhimmi* dengan cara yang merendah-rendah, dipegang oleh beberapa tokoh seperti Ibn Kathir, al-Sayuti dan Zamakhsari. Lihat Syed Sikandar Shah Haneef dalam *Non-Muslims' Citizenship in Islamic Law: A Critique from the Constitutional Perspective* .Journal of Islam In Asia, vol. 9, no 1.

⁷ Al-Nawawi, *Rawdat al-Talibin*, vol.10. m.s. 315-316.

⁸ Dinukil oleh Al-Nawawi dari kata-kata ulama *كفاية الأخيار* (disebut dalam *تؤخذ برفق كأخذ الديون*).

⁹ Ibn Qudamah, *Al-Mughni*. vol 4, m.s. 250.

¹⁰ Ibn Qayyim, *Ahkam Ahl al-Dhimmah*, vol. 1, m.s. 23-24.

¹¹ Al-Shafie, *Al-Umm*, vol, 4 m.s. 219.

¹² Al-Qaradhawi, *Golongan Bukan Muslim Dalam Masyarakat Islam*, ABIM (1999). m.s. 43.

¹³ Kristian berdekatan dengan Antioch membuat keputusan untuk berjuang bersama dengan kaum Muslimin. Mereka tidak dikenakan jizyah, bahkan mendapat bahagian dari harta rampasan perang (Al-Baladhuri, m.s. 159. Lihat Basam Zawadi, *The Status of Non Muslim in the Islamic State*.digital publication (http://www.call-to-monotheism.com/the_status_of_non_muslims_in_the_islamic_state)

¹⁴ Siddiq Fadhil, *Pembinaan Bangsa Malaysia: Antara Wawasan Nasional dan Aspirasi Islam*, Kertaskerja Kongres Cendekiawan Melayu IV, 1995.

¹⁵ **Bat Ye'or** adalah nama samaran Gisèle Littman, seorang penulis Yahudi yang anti Islam dan Muslim. Dilahirkan di Mesir. Juga seorang ahli teori konspirasi termasuk teori Eurabia. Dengan nada negatif mempopularkan istilah *Dhimmitude*. Antara bukunya yang sering dirujuk ialah *The Decline of Eastern Christianity: From Jihad to Dhimmitude*. Antara rencana yang ditulisnya ialah *Dhimmitude Past and Present: An Invented or Real History*. **Robert Spencer** pula seorang Islamophobes yang dikenali umum. Personaliti di sebalik xenophobic website *Jihad Watch* dan *Dhimmi Watch* dan penulis *The Politically Incorrect Guide to Islam and Crusaders*. **Pemela Geller** ialah admin laman anti-Islam *Atlas*

Shrugs. Ketiga-tiga mereka saling memuji dan mengangkat satu sama lain sebagai penulis-penulis 'berwibawa'.

¹⁶ Perjanjian Umar atau *Pact of Umar* agak ganjil kerana terma-termannya dicadang sendiri oleh kelompok Kristian sebagai 'golongan yang ditakluk', bukannya 'penguasa yang menakluk'. Kedua, biasanya perjanjian-perjanjian menyebut 'dengan penduduk yang mendiami kota-kota tertentu' seperti penduduk Jerusalem, penduduk Aelia. Namun perjanjian ini tidak dikaitkan dengan penduduk mana-mana kota. Ketiga: agak aneh kerana perjanjian yang datang dari orang-orang Kristian tapi mengutip ayat al-Quran bagi menguatkan hujjah .

¹⁷ Al-Qaradhawi, *Golongan Bukan Islam Dalam Masyarakat Islam*, m.s. xix.

¹⁸ Hadis tersebut: **من قتل معاهدا لم يرح رائحة الجنة وإن ريحها ليوجد من مسيرة أربعين عاما**

¹⁹ Hadis (dhaif) tersebut: **من أدى ذميا فأنا حصمه يوم القيامة**

²⁰ Hadis al-Tabari dengan Sanad Hasan:

من أدى ذميا فقد آذاني، ومن آذاني فقد آذى الله

²¹ Al-Qaradhawi, *Golongan Bukan Islam Dalam Masyarakat Islam*, m.s. 11.

²² Ini sesuai dengan Hadis Nabi: **فإذا قبلوا عقد الذمة فأعلمهم**

أن لهم ما للمسلمين وعليهم ما على المسلمين

²³ **أوصى الخليفة بعدي بأهل الذمة خيرا، وأن يوفي لهم بعهدهم،**

وأن يقتلوا من ورائهم، وألا يكلفوا فوق طاقتهم

ما أنصفناك، إن كنا أخذنا منك الجزية في شبابك، ثم ضيعناك في كبرك

²⁵ Ayat 9, Surah al-Taubah yang bermaksud: Sesungguhnya Sadaqah (zakat) itu adalah untuk *al-fuqaraa'* dan *al-masakin*.

²⁶ Seorang pemuda Kristian Koptik tanpa disengajakan terpijak baju anak kepada 'Amr ibn al-'As, Gabenor Mesir waktu itu. Lalu dipukulnya pemuda itu atas alasan kedudukan yang mulia sebagai anak gabenor. Setelah diadu, Umar al-Khattab membuat keputusan yang tidak memihak kepada 'Amr dan anaknya. Berdasarkan hukum qisas, pemuda Koptik itu dibenar memukul kembali anak 'Amr. Dari peristiwa ini timbul kata-kata Umar yang masyhur yang ditujukan kepada "Amr ibn al-'As **متى استعبدتم الناس وقد ولدتهم أمهاتهم أحرارا** (Bagaimana kamu memperhambakan manusia yang dilahirkan merdeka oleh ibu-ibu mereka?)

²⁷ *The Caliphs And Their Non Muslim Subjects*, (2005) digital publication http://archive.org/stream/caliphsandtheirn029590mbp/caliphsandtheirn029590mbp_djvu.txt

²⁸ W Arnold dalam *The Preaching of Islam* serta A S Tritton dalam *Islam and the Protected Religion*.

²⁹ Cambridge History of Christianity: Volume 5, Eastern Christianity, edited by Michael Angold m.s. 489.

³⁰ Mark R. Cohen ialah seorang professor di Near Eastern Studies, Princeton University. Dianggap cendekiawan utama berbangsa Yahudi yang pernah tinggal di bawah pemerintahan Islam. Melalui bukunya *Under Crescent and Cross* beliau membuat perbandingan layanan yang diberi kepada orang-orang Yahudi di bawah pemerintahan Islam dengan yang diterima oleh rakan mereka di Barat yang Kristian.

³¹ Gianstefano C. Martrin, *The Dhimmi Narrative: A Comparison Between The Historical and The Actual In The Context of Christian-Muslim Relations in Modern Egypt*. (Thesis Paper, Naval Postgraduate School, California).

³² Fathi Osman, *Shariah in Contemporary Society*, California: Multimedia Vera International, 1994.

³³ Pada tahun 628 Masehi, satu perwakilan dari Gereja St. Catherine's, Sinai, datang menemui Nabi Muhammad s.a.w. lalu meminta jaminan perlindungan dari Baginda. (Gereja ini dianggap gereja tertua di dunia dan menyimpan khazanah sejarah Kristian yang terbesar selepas Vatican. Khazanah berharga ini tersimpan dengan selamat di bawah pemerintahan Islam lebih 1400 tahun). Baginda diminta menulis bagi mereka dokumen yang dikenali sebagai Piagam Keistimewaan (*Charter of Privileges*) yang mengandungi janji dan jaminan, yang menggambarkan sikap *tasamuh* antara agama yang luar biasa. Piagam tersebut ditulis oleh Ali ibn Abi Talib dan disaksikan oleh 16 orang para sahabat serta ditandatangani dengan cap tangan Baginda sendiri. Diserta di bawah terjemahan Piagam tersebut:

“Ini adalah pesan dari Muhammad bin Abdullah, sebagai perjanjian bagi siapa pun yang menganut Kristian, jauh dan dekat, bahwa kami bersama dengan mereka (*a covenant to those who adopt Christianity, near and far, we are with them*). Sesungguhnya aku, para pelayan, para penolong dan para pengikut akan membela mereka, karena orang-orang Kristian adalah warganegaraku; dan demi Allah! Aku bertahan melawan apa pun yang tidak menyenangkan mereka.

Tidak ada paksaan yang boleh dikenakan ke atas mereka. Tiada para hakim mereka boleh dihalang dari menjalankan tugas-tugas mereka. Tiada biarawan mereka boleh dikeluarkan dari biara-biara mereka. Tidak ada yang boleh memusnah rumah-rumah ibadah mereka atau merusaknya, atau membawa apa pun daripadanya ke rumah-rumah umat Islam.

Jika ada yang mengambil hal-hal tersebut maka ia akan merusak perjanjian dengan Allah dan tidak mentaati Rasul-Nya. Sesungguhnya, mereka adalah sekutuku dan mendapatkan piagam janji keamanan dari kami akan melawan apa pun yang mereka benci (*they are my allies and have my secure charter against all that they hate*).

Tidak ada yang memaksa mereka untuk berpergian atau mengharuskan mereka untuk berperang. Umat Islam wajib bertempur untuk mereka. Jika ada perempuan Kristian menikahi lelaki Muslim, hal ini tidak boleh dilakukan tanpa persetujuan perempuan itu. Dia tidak dapat dilarang untuk mengunjungi gerejanya untuk bersembahyang dan berdoa.

Gereja-gereja mereka harus dihormati. Mereka tidak boleh dilarang memperbaiki dan menjaga perjanjian-perjanjian sakral mereka. Tidak ada dari antara bangsa (Muslim) yang boleh tidak mematuhi perjanjian ini hingga Hari Akhir (*No one of the nation (Muslims) is to disobey the covenant till the Last Day (end of the world)*.)”

Ayat pertama dan akhir Piagam ini amat penting kerana menjadikan Piagam ini abadi dan sejagat. Penegasan bahawa Muslim bersama Kristian sama ada ‘dekat atau jauh’ menolak

kemungkinan Piagam ini semata-mata kepada St. Catherine. Dan dengan mewajibkan Muslim supaya mematuhi hingga Hari Akhirat, menghalang sebarang usaha merungkai perjanjian yang telah termeteri.

Mengenai autentisiti dokumen ini, John Davenport menyebut dalam *An apology for Mohammed and the Koran* (1869) m.s. 147-151, ”In proof of the correctness of the view thus taken by the historian of the tolerant character of Mohammed, the following public document is here inserted, being extracted from a work entitled ‘A Description of the East and other Countries,’ by Richard Pococke, Bishop of Meath, and published in 1743, vol. i. p. 268. The high character of its author for piety, integrity and learning is a sufficient voucher for the authenticity of the document.”

³⁴ Muhammad's Promise to Christians, dalam The Washington Post, digital publication for http://newsweek.washingtonpost.com/onfaith/guestvoices/2009/12/prophet_muhammads_promise_to_christians.html

³⁵ Maher Abu Munshar, *Islamicjerusalem: A Model for Multiculturalism*, The American Journal of Islamic Social Science.

³⁶ Diulas oleh Sayed Sikandar Shah Haneef dalam *Non-Muslims' Citizenship in the Islamic Law*, berdasarkan tulisan Qasem Saeed, *Citizenship and the issue of the state in Islamic Thought*.

³⁷ Syed Sikandar Shah Haneef, *Non-Muslims' Citizenship in Islamic Law: A Critique from the Constitutional Perspective*. Journal of Islam in Asia, Vol 9, No 1 (2012).

³⁸ Fahmi Huwaydi, *Muwatinun la Dhimmiyyun*, m.s. 110-111.

³⁹ Syed Sikandar Shah Haneef, *Non-Muslims' Citizenship in Islamic Law*.

⁴⁰ Diungkap oleh Sayed Sikandar Shah Haneef dalam tulisannya *Non-Muslims' Citizenship in Islamic Law*, berdasarkan perbincangan tulisan Rashid Ghanoussi dalam *Huquq al-Muwatimah*.

⁴¹ Dikutip dalam Sayed Sikandar Sahah Haneef yang merujuk Ibrahim ibn Musa al-Shatibi, *al-Muwafaqat*, vol.4 (Beirut) m.s. 98.

⁴² Pada tahun 2012, Datuk Dr Mashitah Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri waktu itu, ketika menjawab satu soalan di parlimen menjelaskan bahawa mana-mana orang bukan Islam yang taat kepada kepimpinan Perdana Menteri (waktu itu) Datuk Seri Najib Razak yang beragama Islam, patuh kepada perjanjian kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan ... mereka (termasuk dalam) kategori ‘*kafir dhimmi*’ yang boleh dijadikan kawan. Istilah ‘*kafir harbi*’ pula katanya boleh terpakai kepada DAP jika DAP berterusan menentang Islam secara terbuka.

⁴³ Siddiq Fadhil, *Pembinaan Bangsa Malaysia: Antara Wawasan Nasional dan Aspirasi Islam*.

Ab Halim Ismail adalah Setiausaha Agung Wadah Pencerdasan Umat Malaysia



The Truth about the world's most powerful political movement

Tajuk buku: **Inside the MUSLIM BROTHERHOOD**
edisi kulit keras.

Pengarang: Youssef Nada dengan Douglas Thompson
Penerbit: John Blake Publishing Ltd
Tahun: 2012; ISBN: 978 1 85782 686 6
Pengulas: Ahmad Azam Ab Rahman

Buku setebal 308 mukasurat ini adalah satu catatan pengalaman seorang tokoh Ikhwan Muslimin di 'balik tabir' yang berperanan sebagai "Menteri Luar". Ada juga yang menggelarnya sebagai menjadi Mursyid al-'Am *'de facto'* Ikhwan Muslimin. Ikhwan Muslimin musuh nombor satu dunia Barat khususnya bagi Amerika Syarikat dan Gerakan Zionis SeDunia. Youssef Nada pula dianggap sebagai pemimpin Ikhwan yang paling berkuasa dan paling berbahaya di mata mereka. Beliau yang lahir pada 17 Mei 1931, mengambil keputusan untuk menceritakan segala pengalamannya sebagai anggota Ikhwan Muslimin secara terbuka melalui buku ini. Tulisannya bertepatan dengan kebangkitan rakyat di Tunisia dan Mesir yang berlaku pada bulan Januari 2011. Apakah ini suatu kebetulan? Hanya Allah ta'ala sahaja yang Maha Mengetahui. Tidak ramai para pejuang Islam yang berkesempatan melihat hasil kejayaan perjuangannya ketika hayat masih dikandung badan seperti Youssef Nada. Beliau adalah antara pejuang yang bertuah itu.

KAGUM DENGAN PERJUANGAN

Buku biografi Youssef Nada ditulis oleh Douglas Thompson, seorang penulis biografi Amerika Syarikat yang prolific dan seorang wartawan terkenal. Beliau telah menulis 20 buah buku dan antara buku biografi yang pernah ditulis oleh beliau ialah mengenai pelakon filem Madonna, Clint Eastwood dan John Travolta disamping buku mengenai Mafia Amerika di Kota London. Pengalaman beliau sebagai wartawan lebih dari 20 tahun telah digunakan sepenuhnya untuk mengkaji sejarah Ikhwan Muslimin secara objektif dengan mengutip sumber dari Barat dan Zionis di samping sumber dalaman Ikhwan sendiri. Adalah suatu yang menarik, seorang wartawan Barat sanggup menulis mengenai seorang tokoh Ikhwan Muslimin yang sangat kontroversial

dan pernah dituduh oleh Presiden George Bush sebagai 'pendana utama kumpulan teroris'. Thompson mengaku bahawa setelah hampir 3 tahun membuat kajian mendalam mengenai Ikhwan, beliau berusaha menulis buku ini dengan seadilnya dan objektif. Malah beliau tidak malu untuk mengaku bahawa setelah menghabiskan projek penulisan ini, beliau amat kagum dengan perjuangan keadilan dan kemanusiaan Youssef Nada. Pernyataan tulus dari seorang wartawan yang berpengalaman tentunya tidak mudah untuk dimanipulasi oleh sesiapa. Ini merupakan testimoni penting tentang kesucian perjuangan Ikhwan Muslimin dan juga Youssef Nada sendiri yang sama sekali berbeda dari apa yang digambarkan oleh Barat.

'MENTERI LUAR'

Saya diperkenalkan kepada Youssef Nada ketika beliau berkunjung ke Kuala Lumpur pada awal tahun 1998 oleh Anwar Ibrahim yang ketika itu masih Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Masa itu saya belum pun cukup setahun memegang amanah sebagai Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Alhamdulillah perkenalan awal itu berpanjangan sampai ke hari ini. Hampir setiap tahun saya akan berkunjung ke Villa Nada di Lugano, Switzerland untuk mendapat nasihat dan bertukar pandangan serta belajar dari beliau terutama yang berkaitan gerakan Islam dan politik antarabangsa. Kali terakhir bertemu beliau ialah pada 7 Oktober 2012. Di pertemuan inilah beliau menghadiahkan saya buku ini, yang baru sampai ke tangannya dari penerbit.

Bagi saya, buku ini patut menjadi bacaan wajib bagi setiap pendukung gerakan Islam terutama bagi yang ingin memahami susur galur perjuangan Ikhwan Muslimin. Walaupun gaya penulisan berbentuk biografi tetapi kandungannya sarat dengan catatan

sejarah perjuangan Ikhwan Muslimin sejak pemerintahan rejim Gamal Abdel Nasser, Anwar Sadat, Hosni Mubarak sehinggalah Presiden Mohammad Morsi yang mencapai kemenangan dalam pilihan raya yang lalu atas nama Parti Kebebasan dan Keadilan (Freedom and Justice Party) iaitu sebuah parti politik yang ditubuh oleh Ikhwan Muslimin.

Youssef Nada menyertai Ikhwan ketika berumur 17 tahun iaitu pada tahun 1948 dan terus setia dengan perjuangan Ikhwan sehingga hari ini. Sepanjang 65 tahun penglibatan beliau di dalam Ikhwan, beliau telah melalui pahit getir perjuangan, jatuh dan bangun dalam kehidupan. Mulai dari disumbat ke dalam penjara, kemudian berhijrah ke luar negara, menjadi ahli perdagangan antarabangsa yang tersohor,

mengerakkan aktiviti dakwah peringkat global, melibatkan diri dalam perbankan Islam dengan menubuhkan Bank al-Taqwa, menjadi 'Menteri Luar' Ikhwan Muslimin hinggalah kepada usaha-usaha mendamaikan antara Iran dengan Saudi Arabia, Yaman dengan Saudi Arabia, Iran dan Iraq, Iran dan Amerika

Syarikat serta Afghanistan dan Rusia. Dalam rangka melaksanakan peranan sebagai 'Menteri Luar' ini, beliau telah menjelajah ke merata dunia, di mana saja beliau diperlukan tanpa menghiraukan keselamatan dirinya sendiri. Contohnya dalam usaha Ikhwan untuk mencari penyelesaian Perang Iran dan Iraq, ketika perang sedang memuncak, beliau sanggup mengambil risiko untuk bertemu Presiden Saddam Hussein secara bersendirian di Baghdad. Youssef Nada mendedahkan kepada saya bahawa risiko nyawa melayang itu adalah suatu kemungkinan kerana Saddam Hussein adalah seorang pemimpin yang sangat kejam dan boleh bertindak sewenang-wenang di luar jangkaan.

MEMBONGKAR KONSPIRASI BARAT

Terlalu banyak pengajaran yang boleh dipelajari dengan membaca buku ini. Tulisan ini sarat dengan pendedahan buat pertama kali tentang pengalaman 'di balik tabir' Ikhwan Muslimin dan Youssef Nada. Pemikiran beliau mengenai dunia Islam telah diungkapkan dengan jujur dan berani tanpa

selindung. Kritikan beliau terhadap pemimpin Arab khususnya amat berterus terang. Begitu juga secara lantang dan tegas beliau mengkritik hipokradi Amerika Syarikat dan dunia Barat yang bercakap mengenai demokrasi dan hak asasi bila berhadapan dengan dunia Islam.

Buku ini mencatatkan pengalaman berharga yang dilalui oleh sebuah gerakan Islam. Misalnya Youssef Nada telah memaparkan antara lain betapa strategi 'divide and rule' Barat telah digunakan dengan begitu berkesan untuk terus melemahkan dunia Islam. Barat telah mencipta beberapa orang pemimpin boneka untuk melaksanakan strategi ini. Gamal Abdel Nasser di Mesir, Shah Iran di Iran, Ibn Saud di Saudi Arabia diperalatkan semanya oleh Barat dengan mengadu domba sesama mereka agar tiada seorang pun yang

benar-benar kuat dan mampu bertindak menyatukan umat Islam. Ikhwan Muslimin menyedari hal ini, justeru cuba dihancurkan oleh Gamal Abdel Nasser dengan tindakan p e n g h a r a m a n organisasinya dan p e m b u n u h a n pemimpinnya.

Selain mencipta pemimpin boneka, isu Sunni/Syiah/Wahabi juga ditonjolkan serta disemarakkan agar masa umat Islam terperangkap dalam soal remeh temeh, dan terlepas dari memberi perhatian kepada soal-soal *al-tahririyyah* (Pembebasan), *al-tanwiriyyah* (Pencerahan dan Pencerdasan) dan *al-taghyiriyyah* (Perubahan).

Bagi Youssef Nada, isu pengganas (terrorisme) dan Usama bin Laden adalah rekaan Barat yang memperalatkan beberapa anak muda yang bersemangat tetapi kurang ilmu untuk melakukan serangan bersenjata terhadap orang awam atas nama Islam. Atas alasan memerangi pengganas, umat Islam seluruh dunia menderita sementara gerakan Islam menjadi mangsa penindasan dan pembunuhan. Afghanistan dan Iraq diserang dan ditawan. Boneka baru ditabal menjadi pemimpin negara tersebut. Strategi pecah dan perintah diteruskan dan kali ini dengan dalang yang baru pula.

Youssef Nada dianggap sebagai musuh nombor satu Amerika Syarikat. Beliau dituduh menjadi dalang utama serta penyumbang dana yang besar kepada

Alhamdulillah perkenalan awal itu berpanjangan sampai ke hari ini. Hampir setiap tahun saya akan berkunjung ke Villa Nada di Lugano, Switzerland untuk mendapat nasihat dan bertukar pandangan serta belajar dari beliau terutama yang berkaitan gerakan Islam dan politik antarabangsa.

kegiatan pengganas. Media antarabangsa, Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, Polis Antarabangsa, Mahkamah telah digunakan untuk menghukum beliau. Beliau dikenakan tahanan rumah selama 8 tahun serta semua harta dan akaun banknya dibekukan. Kesalahan beliau tidak pernah dapat dibuktikan, Bank of Taqwa miliknya terpaksa ditutup pada tahun 2002 dengan kerugian berjumlah US\$350 juta.

KEKUATAN DALAMAN

Menyentuh persoalan dalaman umat Islam, Youssef Nada dengan berani mengkritik batang tubuh umat atas dasar *bermuhasabah* dan *Islah* demi *al-izzah* umat Islam. Beliau menyarankan agar wanita diberi peranan yang lebih luas termasuk bidang politik. Bagi Youssef wanita adalah separuh dari kekuatan umat. Seandainya tugas mereka dihadkan hanya untuk melayani suami dan menjaga anak dan pergerakan mereka dibataskan oleh *burqa*, maka nyata bahawa sikap ini amat bertentangan dengan ajaran Islam. Kekuatan Wanita Islam wajib digerakkan. Dengan cara ini, separuh lagi kekuatan dan potensi umat yang selama ini tersimpan, akan dapat dimanfaatkan untuk Islam.

Beliau juga berpandangan bahawa sistem monarki yang diamalkan di sebahagian besar dunia Arab adalah penyebab kepada kemunduran umat Islam. Bagi beliau sistem monarki adalah satu pengkhianatan kerana sistem ini tidak mengizinkan seluruh potensi umat digembleng bagi memajukan negara. Sistem ini menentukan bahawa semua dasar pemerintahan dirujuk kepada elit pemerintah. Mereka memegang kuasa bukan kerana kepintaran dan meritokrasi, tetapi kerana darah keturunan. Beliau meramalkan arus demokrasi akan melanda dunia Islam dan sistem monarki seperti yang diamalkan di Arab Saudi dan negara-negara Teluk akhirnya akan runtuh.

Beliau juga menyentuh soal kekuatan dalaman Ikhwan Muslimin yang telah membantu *survival* Gerakan itu. Beliau menganggap bahawa prinsip *wala'* kepada perjuangan dan *qiyadah* serta *sirriyah al-tanzim* (kerahsiaan dalam organisasi) merupakan elemen terpenting dalam Ikhwan. Sesiapa yang gagal mematuhi arahan kepimpinan gerakan, mereka wajib dipecat dari Ikhwan. Inilah disiplin *harakiy* yang wajib dipatuhi sendainya seseorang ingin menyertai Ikhwan. Kes terbaru berkaitan jurucakap Ikhwan Muslimin Abdel Moneim Aboul Futouh yang telah memutuskan untuk bertanding sebagai Presiden Mesir secara bersendirian dan beliau tidak pula merujuk Majlis Syura mengenai perkara tersebut.

Majlis Syura kemudiannya memutuskan melarang beliau bertanding. Disebabkan keengganan mematuhi keputusan tersebut beliau telah dipecat walaupun beliau dikenal sebagai pemimpin dan jurucakap Ikhwan yang amat dihormati. Demi kepentingan jamaah, kepatuhan kepada keputusan Syura itu adalah *wajib* harakiy yang mesti dipatuhi sekalipun berlawanan dengan pendapat peribadi. Kegagalan mematuhi keputusan yang dibuat bermakna engkar kepada keputusan Syura. Risikonya ialah sama ada digantung atau dipecat. Disiplin *harakiy* inilah yang memungkinan Ikhwan Muslimin bertahan sehingga sekarang walaupun berhadapan dengan berbagai mehnah dan fitnah.

Apa yang penting, perjuangan Islam mesti diteruskan dalam keadaan apa sekalipun. Kemenangan itu milik Allah, dan hanya Allah yang menentukan bila akan berlaku. Ikhwan Muslimin telah memasuki fasa baru perjuangannya, iaitu untuk menegakkan pemerintahan Islam yang berpandukan Al-Quran dan As Sunnah. Pastinya, menanggapi isu kenegaraan memerlukan kefahaman yang mendalam mengenai *fiqh al dawlah*, demokrasi, hak asasi dan *fiqh al muwatinun* (fiqh kewarganegaraan), *fiqh al-awlawiyyat* (keutamaan) dan lain-lain

Dalam konteks perjuangan Islam di negara ini, kita mungkin akan melalui fasa-fasa perjuangan seperti yang dilalui oleh gerakan Islam terdahulu. Tanggungjawab kita ialah untuk mempelajari pengalaman mereka supaya boleh dijadikan iktibar dan panduan.

PENGAJARAN

Pengajaran Pertama: Perjuangan Islam Menuntut Pengorbanan. Memang menjadi Sunnatullah, perjuangan untuk menegakkan Islam sebagai dasar kehidupan bernegara bakal menghadapi fitnah dan mehnah. Perjuangan ini menuntut pengorbanan yang sangat tinggi, hatta nyawa sekalipun. Youssef Nada telah menceritakan sebahagian dari pengorbanan dan pahit getir perjuangan yang dilalui oleh pendukung Ikhwan Muslimin. Sejak Ikhwan Muslimin ditubuhkan pada tahun 1928 oleh Al-Syahid Imam Hassan al-Banna, sebagai reaksi kepada keruntuhan Khilafah Uthmaniyyah Turki pada 1924 dan era Penjajahan Barat terhadap Dunia Islam, perjuangan Ikhwan Muslimin tidak pernah 'disambut dengan permaidani merah'. Ikhwan Muslimin merupakan gerakan kerakyatan yang sangat berpengaruh dalam menuntut kemerdekaan dari Penjajah British. Atas nasihat Penjajah British, kerajaan boneka pimpinan Perdana Menteri Mahmoud Fahmy Nokrashy Pasha

telah mengharamkan Ikhwan Muslimin pada November 1948. 20 hari kemudiannya beliau mati dibunuh dan Ikhwan dituduh menjadi dalangnya. Sebagai tindak balas terhadap pembunuhan tersebut, pada 12 Februari 1949, Hassan al-Banna mati syahid ditembak oleh agen Kerajaan Mesir ketika itu yang sebenarnya sebagai langkah untuk mengekang pengaruh Ikhwan dari berkembang dan menggugat kerajaan. Kemudian akibat daripada kononnya percubaan untuk membunuh Presiden Gamal Abdel Nasser pada 26 Oktober 1954, lebih daripada 300,000 ahli Ikhwan telah ditangkap. Youssef Nada turut ditahan dan dipenjarakan selama 2 tahun. Ketika itu beliau baru berumur 23 tahun. Ramai tokoh Ikhwan dipenjarakan bersamanya termasuklah Sheikh Yusuf al-Qaradawi, Sheikh Muhammad al-Ghazali dan Sayyid Qutub (yang kemudiannya mati syahid di tali gantung). Malah hampir kesemua pemimpin Ikhwan Muslimin termasuk Presiden Morsi pernah dipenjarakan. Berkat pengorbanan mereka maka Ikhwan Muslimin akhirnya ditakdirkan menjadi peneraju utama pemerintahan Mesir pada hari ini.

As-Syahid Imam Hassan al-Banna telah mengungkapkan hal pengorbanan dengan ungkapan yang sangat cantik dan makna yang mendalam, "*Kehancuran dalam membela kebenaran bererti keabadian yang hakiki. Tidak ada dakwah tanpa jihad dan tidak ada jihad tanpa pengorbanan*"

Pengajaran Kedua: Berhati-hati Dengan Golongan Opportunis Dalam Gerakan. Golongan Opportunis ialah golongan yang pura-pura berjuang di dalam gerakan, tetapi sebenarnya mereka hanya mementingkan diri sendiri. Golongan seperti ini memang wujud dalam mana-mana perjuangan Islam. Mereka pandai mencium peluang ketika berada dalam gerakan, dan sering memanfaatkan peluang tersebut untuk kepentingan peribadi. Mereka akan mendiamkan diri atau menjauhkan diri dari gerakan ketika risiko mendatang. Malah dalam keadaan tertentu, samada kerana untuk mengejar kuasa atau membalas dendam atau memburu cita-cita peribadi, mereka sanggup menjadi musuh utama atau menjadi talibarut untuk menghancurkan gerakan. Dalam hal ini, Ikhwan Muslimin tidak terkecuali. Ketika gerakan menentang penjajah Inggeris sedang memuncak, Gamal Abdel Nasser dianggap sebagai ahli Ikhwan yang setia dan boleh dipercayai. Gamal Abdel Nasser telah menyertai *Free Officers Movement* yang diketuai oleh seorang ahli Ikhwan, Mahmoud Labib. Beliau menggantikan Labib apabila dia meninggal dunia. *Free Officers Movement* yang baru diketuainya telah

meminta dokongan Ikhwan Muslimin dengan berjanji bahawa beliau akan menjadikan Ikhwan sebagai rakan di dalam pembinaan negara Mesir baru yang merdeka. Namun sebaik saja beliau berkuasa, Ikhwan Muslimin menjadi musuh utamanya yang mengakibatkan penangkapan ratusan ribu ahlinya serta ramai dari mereka yang mati akibat siksaan tidak berperikemanusiaan di dalam penjara.

Suatu hal yang menarik ketika Presiden Morsi telah disahkan menjadi Presiden Mesir pada 24 Jun 2012, begitu ramai sekali bermunculan 'ahli Ikhwan' yang menawarkan diri untuk menjawat jawatan-jawatan penting dalam kerajaan. Mereka ini mungkin pernah menyertai Ikhwan suatu masa dulu, tetapi akibat tekanan yang kuat dari pihak Kerajaan Mesir, mereka telah menjauhkan diri dari Ikhwan atau telah mengisytiharkan dirinya keluar dari Ikhwan. Ahli-ahli Ikhwan yang istiqamah dalam perjuangan kehairanan kerana mereka ini tidak kelihatan ketika Ikhwan Muslimin menghadapi mehnah dan fitnah perjuangan. Golongan oportunis begini sebenarnya sentiasa menimbulkan masalah kepada perjuangan Islam. Komitmen mereka hanyalah untuk kepentingan peribadi. Sekiranya Presiden Morsi memilih mereka untuk menjawat jawatan penting dalam Kerajaan akan timbul persoalan, apakah mereka akan tetap setia dengan beliau sekiranya iklim politik berubah arah?

Pengajaran Ketiga: Hijrah sebagai strategi perjuangan jangka panjang. Perintah Hijrah dari Mekah ke Madinah oleh Allah ta'ala kepada Rasulullah s.a.w. bukanlah suatu langkah lari dari perjuangan, tetapi ianya adalah langkah strategik perjuangan jangka panjang. Seringkali para pejuang Islam terpaksa membuat keputusan strategik jangka panjang bila berhadapan dengan suasana ruang dakwah semakin sempit di negara sendiri.

Begitulah dilema yang perlu dihadapi oleh Youssef Nada. Apabila beliau dibebaskan dari penjaradan merana selama 2 tahun di dalamnya, beliau menyambung pelajarannya yang tergendala di Alexandria University di bidang pertanian. Setelah tamat pengajian, beliau telah membantu menguruskan syarikat tenusu milik ayahnya yang ketika itu memasarkan satu pertiga dari pasaran susu segar di Iskandariah. Ketika itu beliau telahpun berumur 28 tahun. Namun demikian, sebagai seorang bekas banduan dan masih merupakan ahli Ikhwan Muslimin, kehidupannya sentiasa di dalam pengawasan polis dan bila-bila masa boleh ditangkap semula. Walaupun bebas dari penjara, tetapi

kehidupannya sentiasa tertekan kerana sentiasa diawasi.

Justeru itu, beliau mengambil keputusan untuk berhijrah dari Mesir dengan tujuan untuk membantu Ikhwan Muslimin dari luar. Memandangkan kepakaran beliau adalah dalam bidang bisnes, beliau bertekad membantu kegiatan dakwah Ikhwan hasil dari keuntungan perniagaannya.

Berbekalkan *nawaitu* yang suci, beliau telah berhijrah ke Vienna, Austria pada tahun 1960. Sejak itu, beliau tidak lagi memandang ke belakang, malah terus memajukan perniagaannya sebagai *International Trader* yang disegani oleh banyak pihak. Pada tahun 1968, ketika berumur 38 tahun dan masih bujang, beliau telah bergelar sebagai *The King of Cement in the Mediterranean* – Raja Simen Mediterranean dengan memiliki 38 buah kapal dagang dan memiliki US\$45 juta nilai besi keluli untuk bahan binaan di negara persekitaran Mediterranean.

Strategi berhijrah dari Mesir bagi mengelakkan diri dari terus dianiaya oleh pemerintah Mesir turut diikuti oleh ramai lagi pemimpin Ikhwan Muslimin yang bertebaran ke negara Arab lain dan diseluruh Eropah dan juga Amerika Syarikat. Antaranya termasuklah Sheikh Yusuf Qaradawi yang berhijrah ke Qatar, Said Ramadan (ayah Tariq Ramadan, tokoh pemikir Islam mutakhir) ke Switzerland, Kamal Helbawi ke United Kingdom, Mahmoud Abu Saud (tokoh Ekonomi Islam) dan menantunya, Dr. Ahmed el-Kadi ke Amerika Syarikat. Kesan semerta dari strategi hijrah ini ialah berkembangnya manhaj harakah Islamiyyah model Ikhwan Muslimin ke seluruh dunia.

Pengajaran Keempat : Gerakan Islam harus menumpu soal Dakwah dan Tarbiyyah dan tidak terlibat terlibat dengan perniagaan. Biar ahli secara individu yang terlibat. Ketika Youssef Nada memohon keizinan Mursyidul Am Ikhwan Muslimin, ketika itu Hassan al-Hudaybi, untuk berhijrah ke luar negara, beliau telah diberikan amanah untuk mencari dana untuk dakwah Ikhwan melalui perniagaan. Ini disebabkan beliau mewaris bakat perniagaan beliau mengalir dari ayahnya, seorang usahawan tenusu di Iskandariah.

Amanah Mursyidul Am ini dipegang hingga sekarang. Setiap keuntungan dari bisnes disalurkan untuk memperhebat aktiviti dakwah Ikhwan di Mesir dan juga di serata dunia. Beliau telah memilih Vienna, Austria sebagai tapak untuk memulakan perniagaannya sebagai '*international trader*' atau

pedagang antarabangsa. Kemudian pada tahun 1969, beliau berpindah ke Lugano, Switzerland dan tinggal di sana hingga sekarang. Dari Lugano, beliau telah membuka pejabat dagangnya di Indianapolis di Amerika Syarikat, Glasgow di Scotland, Riyadh di Arab Saudi, Liechtenstein dan Lagos di Nigeria. Beliau terlibat di dalam perniagaan impot/ekspot bahan binaan seperti simen, besi keluli, dan bahan komoditi seperti gandum, minyak masak, barli dan baja.

Pada tahun 1974, untuk memperkembangkan lagi bisnes impot/ekspotnya, beliau telah menubuhkan Nada International di Riyadh, Arab Saudi dengan melibatkan Dr. Hisham Al Talib, Dr. Jamal Barzinji dan Mohamed Shamma sebagai ahli lembaga pengarah.

Kemudian pada tahun 1988, Youssef Nada mencebur diri di dalam Perbankan Islam dengan menubuhkan Bank of Taqwa di Pulau Bahamas dan At Taqwa Management Organisation (ATMO) di Lugano, Switzerland. Penglibatan beliau di dalam perbankan Islam dan operasinya di Switzerland, pusat kewangan kapitalis dunia telah membuka mata banyak pihak mengenai sistem kewangan Islam yang menjadi alternatif saingan kepada sistem kewangan konvensional. Ianya juga telah membuka mata musuh nombor satu Ikhwan Muslimin, iaitu Gerakan Zionis Antarabangsa. Gerakan Zionis telah merencana muslihat mereka hingga akhirnya Bank of Taqwa, yang berjaya meraih keuntungan 10-13 peratus setiap tahun itu, terpaksa ditutup pada tahun 2002, atas tuduhan dan fitnah yang direkacipta oleh Zionis. Beliau dituduh menjadi pendana utama gerakan teroris antarabangsa, walaupun tuduhan itu tidak pernah dapat dibuktikan. Youssef Nada secara peribadi kerugian US\$350 juta akibat penutupan Bank of Taqwa itu.

Pengajaran penting dari pengalaman pahit ini ialah gerakan Islam seharusnya tidak terlibat di dalam perniagaan secara langsung kerana ianya membabitkan proses untung/rugi perniagaan yang boleh menjejaskan citra gerakan Islam. Sebaliknya ahli-ahli perlu digalakkan untuk terlibat. Dengan demikian sebarang risiko yang terjadi tidak akan menjejaskan gerakan. Sekiranya Bank of Taqwa itu milik Ikhwan Muslimin kerugian US\$350 juta, tentunya ia bakal mencetuskan krisis di dalam Ikhwan. Oleh kerana bank tersebut milik individu, maka kerugiannya adalah kerugian individu tersebut tanpa membabitkan Ikhwan.

Apa yang penting ialah nilai-nilai *infaq* dan *sadaqah* harus menyebati didalam diri setiap ahli gerakan agar mereka menjadi penyumbang utama kepada setiap kegiatan dakwah yang dianjurkan.

Pengajaran Kelima : *Wala' kepada Jamaah, Qiyadah dan Sirriyah al- Tanzim*. Sejak menyertai Ikhwan Muslimin pada 1948, ketika berumur 17 tahun, prinsip yang dipegang oleh Youssef Nada sehingga hari ini ialah memberi *wala'* kepada perjuangan Ikhwan Muslimin, para pemimpin khususnya Mursyidul 'Am serta menjaga kerahsiaan organisasi. Prinsip yang menjadi pegangan semua ahli ini membolehkan Ikhwan bertahan selama lebih 80 tahun walaupun menghadapi penindasan yang kejam dari pemerintah Mesir.

Setelah perniagaannya stabil dan berkembang luas, beliau mulai menggorak langkah untuk melebarkan usaha dakwah secara global. Amanah Hassan al-Hudaybi supaya dia membantu Ikhwan dengan keuntungan bisnesnya masih kekal dalam ingatannya. Pada tahun 1977, beliau telah menjemput beberapa tokoh pemikir Islam sedunia ke rumahnya, Villa Nada, Campione untuk berbincang mengenai usaha dakwah peringkat global. Jemputan Youssef Nada ke rumahnya yang baru siap dibina itu adalah agak istimewa kerana beliau baru saja melangsungkan perkahwinan dengan Amal Chichakli, anak seorang tokoh ternama di Syria. Beliau berumur 46 tahun ketika itu.

Di antara tokoh yang hadir pada pertemuan tersebut ialah Sheikh Yusuf al-Qaradawi, Dr. Ismail Faruqi, Dr. Mahmoud Abu Saud, Mohamed al-Mubarak, Khurshid Ahmad, Ahmad al-Asal, Dr. Abdelhamid Abu Sulayman, Dr. Hisham al-Talib dan Dr. Jamal Barzinji. Pertemuan tersebut bersetuju untuk menyebarkan kesedaran Islam secara global dan berusaha ke arah perpaduan sesama umat Islam. Pada tahun 1981, *International Institute of Islamic Thought* (IIIT) telah ditubuhkan di Virginia, Amerika Syarikat. Dr. Hisham al-Talib, Dr. Jamal Barzinji dan Dr. Abdelhamid Abu Sulayman telah dilantik menjadi peneraju utamanya.

Sejak 1977, Youssef Nada bertindak sebagai 'Menteri Luar' bagi Ikhwan Muslimin dan *Tanzim 'Alamiy* (Ikhwan Muslimin peringkat global yang berperanan bagi memupuk perpaduan sesama Gerakan Islam di peringkat antarabangsa). Selepas kejatuhan Rejim Shah Iran akibat teretusnya Revolusi Iran, beliau telah menganjurkan pertemuan solidariti umat Islam dengan Pemimpin Revolusi, Ayatullah Khomeini di Tehran pada 1979. Pemimpin Gerakan Islam dari

Indonesia, Malaysia, Pakistan, Mesir, Jordan, Arab Saudi, Iraq dan Turki telah hadir di dalam pertemuan bagi meraikan kemenangan tersebut serta untuk merapatkan jurang perbezaan antara Sunni dan Syiah. Malaysia diwakili oleh Presiden ABIM ketika itu, Anwar Ibrahim.

Pada tahun 1979 itu juga berlakunya peristiwa tebusan rakyat Amerika Syarikat apabila sekumpulan pelajar Iran menguasai Kedutaan Amerika Syarikat di Tehran dan menahan 52 orang pekerja kedutaan sebagai tebusan selama 444 hari. Omar Telmissany, Mursyidul Am Ikhwan Muslimin telah mengarahkan Youssef Nada untuk menjadi perunding antara Kerajaan Iran dan Amerika Syarikat untuk menyelesaikan krisis tersebut secara diplomatik. Namun demikian, misi tersebut gagal kerana Amerika Syarikat menarik diri di saat-saat akhir.

Youssef Nada tidak akan melakukan sebarang tindakan bagi mewakili Ikhwan Muslimin tanpa keizinan dari Mursyidul Am. Beliau amat menjaga prinsip *sirriyah al-tanzim* iaitu kerahsiaan organisasi kerana banyak misi-misi yang beliau jalankan adalah sangat dan berbahaya. Pada tahun 1988, beliau terlibat di dalam mengelakkan krisis antara Iran dan Arab Saudi. Pada tahun 1987, para jemaah haji dari Iran telah melakukan demonstrasi di Masjidil Haram yang mengakibatkan seramai 275 para jemaah haji Iran, 85 warga Arab Saudi dan 42 warga dari negara terkorban. Beliau berperanan mendamaikan kedua belah pihak dalam perundingan yang diadakan di Villa Nada, Campione. Perundingan tersebut menghasilkan formula kuota Haji dan Umrah yang dipersetujui oleh Iran dan Arab Saudi.

Dalam Perang Iraq dan Kuwait pada tahun 1990, beliau telah bertemu Presiden Saddam Hussein di Baghdad bagi meyakinkan beliau supaya berundur dari Kuwait sebelum Barat menyerang Iraq. Malangnya Saddam berdegil sehingga teretusnya Perang Teluk yang berakhir dengan kematian Saddam di tali gantung.

Selama ini sering disebut mengenai *Tanzim 'Alamiy* sebagai penggerak utama kepada penyatuan gerakan Islam seluruh dunia. Tidak ramai yang mengetahui siapa yang berada dalam organisasi ini dan bagaimana organisasi berfungsi. Namun setelah membaca buku ini, jelas bahawa penggerak utama dibelakangnya ialah Youssef Nada. Beliau bergerak penuh dengan kerahsiaan bagi menjayakan misi-misi penting Ikhwan Muslimin. Malah sehingga kini, tidak ramai yang mengenali Youssef Nada, apalagi mereka yang mengenalinya secara dekat.

Pengajaran Keenam: Permusuhan Barat terhadap Islam tidak mengenal batas kemanusiaan dan undang-undang. Boneka Barat dari kalangan anak tempatan sentiasa menjadi dalang. Kenyataan Allah ta'ala di dalam al-Quran adalah sentiasa benar. Al-Quran mengajar kita untuk sentiasa bersiap-siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan di dalam menjalani kehidupan dan perjuangan sebagaimana yang terdapat dalam Surah al Baqarah ayat 120, "*Dan orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepadamu (Muhammad) selagi engkau tidak mengikut agama mereka.*"

Hakikat inilah yang berlaku kepada Youssef Nada. Beliau seorang yang sangat teliti di dalam sebarang urusan perniagaan maupun urusan dakwah global. Beliau akan mendapatkan nasihat dari peguam yang terbaik sebelum membuat sesuatu keputusan perniagaan. Malah ketika beliau menubuhkan Bank al Taqwa di Bahamas, beliau memastikan ianya mengikut saluran undang-undang. Ini adalah kerana beliau tahu Sistem Perbankan Islam yang akan digunapakai bakal mencetus kontroversi di Barat akibat fenomena Islamophobia yang masih lagi menebal. Begitu juga di dalam hal menyalurkan bantuan dana untuk aktiviti dakwah. Beliau amat berhati-hati agar ianya tidak melibatkan aktiviti yang melanggar undang-undang. Namun demikian, bila tiada bukti, maka bukti palsu akan direkacipta. Itulah yang berlaku hingga perniagaan global Youssef Nada dan Bank al Taqwa ditutup buat selama-lamanya. Hasrat sebenar Zionis dan Barat ialah untuk melumpuhkan Ikhwan Muslimin di peringkat global dengan cara melumpuhkan bisnes Youssef Nada. Mereka tahu bahawa Youssef Nada adalah penggerak utama kepada gerakan Ikhwan di seluruh dunia khususnya di Eropah dan Amerika Syarikat.

Serangan terhadap beliau bermula pada 11 November 1997, apabila seorang wartawan pro Zionis, *Guido Olimpio* menuduh beliau sebagai penyumbang dana berjumlah US\$70 juta kepada HAMAS di Palestin dan juga aktiviti teroris menentang Barat di dalam akhbar *Corriere della Sera*, Switzerland. Serangan ini disusuli pula pada tahun yang sama oleh *Richard Labeviere* dari *Television Suisse Romande* menerbitkan satu dokumentari yang menuduh Youssef Nada sebagai agen Nazi ketika Perang Dunia Kedua. Pada tahun 2002, *Kevin Coogan* menulis sebuah buku yang kandungannya juga menuduh Youssef Nada sebagai agen Nazi pada tahun 1930, suatu tuduhan yang palsu dan berniat jahat kerana Youssef Nada lahir pada tahun 1931.

Umpama 'sudah jatuh ditimpa tangga', Youssef Nada dikaitkan pula dengan aktiviti pengganas. Kali ini dalangnya ialah Presiden Hosni Mubarak. Pada Disember 1997 seramai 62 pelancong asing kebanyakannya warga Switzerland telah mati dibunuh oleh pengganas di pusat tarikan pelancong Deir al-Bahir, Luxor, Mesir. Pendakwa Raya Persekutuan Switzerland, Carla Del Ponte telah membuat siasatan di Mesir dan kerajaan Mubarak telah membuat tuduhan liar dan fitnah bahawa Youssef Nada terlibat di dalam pembunuhan tersebut.

Sejak serangan media yang sangat terancang terhadap Youssef Nada, imej beliau sebagai seorang tokoh perniagaan yang disegani mulai luntur dan Bank al Taqwa mulai berhadapan dengan masalah pendeposit yang sudah kehilangan kepercayaan terhadap beliau. Pada tahun 1998, sejumlah US\$100 juta telah dikeluarkan oleh pendeposit dari Bank al Taqwa dan akhirnya pada tahun 2002 ianya terpaksa di tutup buat selama-lamanya.

Peristiwa serangan World Trade Center, New York pada September 11, 2001 adalah umpama paku terakhir untuk keranda perniagaan Youssef Nada. Presiden George Bush sebagai tindak balas terhadap serangan tersebut telah menyerang Afghanistan pada 7 October 2001. Saperti dirancang, sebulan kemudian pada 7 November 2001, Bush telah menuduh bahawa Youssef Nada dan Bank al Taqwa terlibat sebagai pendana utama pengganas seluruh dunia dan tindakan keras akan diambil terhadapnya. Pada hari yang sama juga, Villa Nada digeledah oleh Polis Switzerland dan Itali untuk mencari bukti-bukti bagi mensabitkan Youssef Nada sebagai dalang utama pengganas sedunia. Pada masa yang sama juga, dalam suatu tindakan yang kelihatan sudah lama dirancang, semua dokumen Bank al Taqwa dirampas, semua kad kredit beliau dibatal, semua aset, harta dan akaun bank diseluruh dunia dibekukan dan Youssef Nada dikenakan tahanan dalam rumah sehingga siasatan selesai.

Tindakan kejam terhadap Youssef Nada adalah satu-satunya kes seumpama ini melibatkan Peguam Negara Switzerland yang bertindak atas arahan Amerika Syarikat dan turut melibatkan polis dan intelligensia dari 12 buah negara. Siasatan yang memakan masa 8 tahun iaitu dari bulan September 2001 sehingga September 2009 berakhir dengan ketiadaan bukti mensabitkan beliau sebarang kesalahan. Nama Youssef Nada sebagai pengganas telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu pada September 2009. Namun,

Amerika Syarikat terus berdegil tidak mahu membersihkan nama Youssef Nada dan engkar dengan keputusan Majlis Keselamatan. Penderitaan beliau masih berterusan sehingga kini kerana akaun bank dan aset beliau tidak boleh dicairkan. Kedegilan Amerika Syarikat ini sebenarnya beralasan. Seandainya Youssef Nada dibersihkan namanya dari senarai pengganas, maka segala hartanya yang dianggarkan mencecah ribuan juta matawang Amerika Syarikat akan dapat digunakan untuk membantu umat Islam khususnya di Mesir dan Tunisia. Hal inilah yang cuba dielakkan..

Pengajaran Ketujuh: Kemenangan itu adalah mutlak milik Allah, dan bukannya kerana kehebatan strategi dan perancangan manusia. Peringatan ini disampaikan oleh seorang pemimpin Ikhwan Muslimin kepada ahli Jamaah ketika dijemput untuk memberikan taklimat 'Perkembangan Mutakhir Kemenangan Ikhwan Muslimin' dalam pilihan raya Mesir. Peranan dan tanggungjawab para pendakwah dan pejuang Islam ialah untuk berjuang bersungguh-sungguh menggunakan seluruh qudrat yang ada untuk menyampaikan mesej Islam keseluruh dunia. Segala kesulitan dan penderitaan akibat daripadanya harus dihadapi dengan sebaik-baik sabar, *fa sabrun jamil*, dan hanya kepada Allah jua kita memohon pertolongan, *wallahul musta'an*. Inilah jalan kemenangan yang hakiki yang berjaya ditempuh oleh Ikhwan Muslimin sejak ditubuhkan pada tahun 1928.

Tidak ramai pejuang Islam sempat melihat hasil kejayaan perjuangannya ketika masih hidup.. As Syahid Imam Hassan al Banna, Hassan Hidaybi, Umar Telmissani, As Syahid Syed Qutb, dan ramai lagi tidak sempat untuk melihatnya. Youssef Nada adalah antara pejuang yang dianggap bertuah dan dipilih Allah untuk menyaksikan sendiri hasil kejayaan perjuangannya.

Hidup ini umpama roda. Ada masa kita berada di atas, ada masa kita akan berada di bawah. Dan begitulah putaran kehidupan kita, turun naik silih berganti. Sekiranya tahun 2001 adalah tahun ujian getir buat Youssef Nada, maka tahun 2012 adalah tahun kegembiraan buat beliau. Pada 28 Januari 2012, Villa Nada dikunjungi oleh Perdana Menteri Tunisia yang baru, Hamadi Jebali berserta Sheikh Rached Ghannoushi. Ratusan polis Switzerland dan Itali mengawal persekitaran Villa Nada. Tahun 2001, mereka datang untuk menggelidih Villa Nada, tahun 2012 pula, mereka datang untuk menjaga keselamatan tetamu Youssef Nada. Begitulah hakikat kehidupan dan perjuangan.

Kemudian pada 24 June 2012, Presiden Morsi sebaik saja selepas mengangkat sumpah sebagai Presiden Mesir, menelefon Youssef Nada mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada beliau kerana apa yang berlaku di Mesir pada hari ini adalah antara sumbangan dan pengorbanan beliau, sebagai ahli setia Ikhwan Muslimin, yang komitmennya tetap kental dengan perjuangan.

Bagi Youssef Nada, roda kehidupannya telah melalui beberapa pusingan naik dan turun. Di awal penglibatannya di dalam Ikhwan Muslimin, beliau bergerak aktif, kemudian dipenjarakan selama dua tahun. Ini satu pusingan naik dan turun. Kemudian beliau berhijrah ke Eropah dan berjaya di dalam perniagaannya. Malangnya bila Muammar Gaddafi merampas kuasa di Libya, kesemua perniagaannya di sana dirampas, lantas mengalami kerugian besar. Ini pusingan kedua naik turun beliau. Beliau bangkit lagi dan memulakan semula perniagaannya dari Switzerland sehingga berjaya membuka Bank of Taqwa di Bahamas. Aktiviti dakwah global Ikhwan Muslimin turut berkembang. Kemudian berlaku peristiwa September 2001, dan perniagaan beliau serta aktiviti dakwah beliau terhenti sehingga 2009. Ini pusingan ketiga naik turun roda kehidupan beliau. Pada tahun 2012, beliau menyambut kemenangan Ikhwan Muslimin memerintah Mesir, dan an Nahdhah di Tunisia. Bagi beliau inilah pusingan terakhir dari kehidupan yang ditandai dengan suatu kejayaan yang sangat manis dan berharga. Inilah ketentuan Illahi buat beliau yang tidak pernah dikesalnya. Pada tahun 2013, umur beliau sudah menjangkau 82 tahun. Suatu kehidupan yang penuh warna-warni dalam perjuangan suci bagi merealisasikan hasrat mengangkat martabat Islam: *al Islam ya'lu wala yu'la 'alayh*.

Ahmad Azam Ab Rahman adalah Timbalan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia



Peranan Media Dalam Proses Pencerdasan Umat

Rahmah Hashim

Peranan utama media ialah sebagai penyalur maklumat, pendidik dan penghibur. Media boleh memberitahu dan menyedarkan kita tentang pelbagai kegiatan sosial, politik, ekonomi di sekeliling kita. Media berupaya membantu pemerintah dan rakyat untuk membentuk demokrasi yang sihat kerana media adalah tulang belakang negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Demokrasi tanpa media adalah umpama sebuah kenderaan tanpa roda. Media diakui berupaya menaik dan menjatuhkan pemimpin melalui data dan maklumat yang disiarkan berulang kali sehingga orang awam mempercayainya. Media boleh menghibur dan menenangkan fikiran atau sebaliknya.

Dalam alaf ketiga ini, fenomena ledakan maklumat kian dialami akibat perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta langit yang semakin “terbuka”. Ledakan maklumat ini boleh dianggap suatu nikmat atau pun ujian Allah kepada kita. Ia berupa nikmat kerana kita boleh mengakses 1001 maklumat dengan mudah jika mahir menggunakan ICT dan mampu memiliki teknologi

berkenaan. Ia menjadi ujian dan cabaran kepada kita sekiranya maklumat yang diakses itu sia-sia dan tidak mendatangkan sebarang faedah. Sebaliknya ia berupaya merangsang dan meningkatkan nafsu mazmumah.

MENCERDAS ATAU MEMUDARAT?

Persoalannya ialah maklumat apakah yang disebarluaskan melalui media dan ICT masa kini yang boleh mencerdas dan memberikan manfaat kepada

manusia sejagat?

Pertanyaan yang sama penting ialah sejauh manakah kita berupaya memilih dan menapis antara maklumat yang mencerdaskan akal

dengan maklumat yang memudarat dan menggoncangkan akidah serta iman?

Terdapat begitu banyak maklumat yang dilambakkan kepada masyarakat dari pelbagai sumber yang rasmi dan tidak rasmi, dari dalam negara, serantau atau global. Data dan maklumat boleh diakses dalam pelbagai bahasa, sama ada berimej atau tidak. Ada maklumat politik, sosial, ekonomi, agama, sains, teknologi dan pelbagai macam lagi yang boleh

Walau bagaimanapun, terdapat begitu banyak maklumat yang boleh diibaratkan sebagai sampah yang tidak bernilai.

mendidik, mencerdaskan akal dan memperkayakan minda. Walau bagaimanapun, terdapat begitu banyak maklumat yang boleh diibaratkan sebagai sampah yang tidak bernilai. Banyak juga maklumat yang boleh menambahkan kekeliruan dan menjejaskan akidah Islamiyah.

Ada data dan maklumat yang sengaja direka-cipta untuk mengelabui mata orang ramai khususnya yang lurus dan *naïve*, yang cenderung menerima dan mempercayai tanpa usul periksa. Oleh yang demikian, seseorang yang mencari ilmu pengetahuan tidak boleh bergantung semata-mata kepada buku, akhbar, majalah atau radio, televisyen dan media sosial.

Allah mendidik kita dalam manual kehidupan manusia iaitu Al-Quran al-Karim, Surah Al-Anbiya', ayat 7 yang mafhumnya: "... dan tanyakanlah kepada orang yang berilmu jika kamu tidak mengetahui."

Media tidak boleh mengambil alih peranan guru. Walaupun kita berpeluang mendapatkan ilmu secara *online* dalam era ICT masa kini, tetapi keberkatannya tidak sama dengan memperoleh ilmu daripada seorang guru yang pakar dalam bidangnya, yang menyampaikan ilmu pengetahuan dengan jujur tanpa mementingkan diri sendiri, atau untuk mencari keuntungan duniawi semata-mata.

Pakar statistik, ahli sains dan teknologi, perubatan dan lain-lain boleh menjana data khusus dalam bidang masing-masing untuk tujuan menyebarkan maklumat. Namun demikian, data akan tinggal data yang tidak memberi makna apa-apa jika data tidak difahami. Sebaliknya, data boleh menjadi maklumat kepada mereka yang memahami maksud dan tahu memanfaatkan data berkenaan. Maklumat tidak akan berfaedah sekiranya tidak boleh meningkatkan kecerdasan akal dan menambah ilmu pengetahuan. Ilmu juga tidak boleh dibanggakan jika digunakan semata-mata untuk kepentingan duniawi dan tidak disertai dengan hikmah dan kebijaksanaan menggunakannya untuk memanfaatkan manusia sejagat di dunia dan akhirat.

Memang tidak dinafikan bahawa maklumat boleh menambahkan ilmu pengetahuan. Penambahan ilmu pengetahuan perlu untuk pembelajaran sepanjang hayat. Soalnya, maklumat dan ilmu apa? Berapa ramaikah manusia yang gemar mengumpulkan maklumat itu menjadi ilmuwan?

Maklumat boleh disalahgunakan untuk memperbodohkan mereka yang tidak bermaklumat atau kurang bermaklumat. Maklumat di tangan orang yang rakus dan tamak kuasa akan menjadi komoditi untuk diniagakan atau memusnahkan pihak lawan. Niat penyalur maklumat mungkin untuk melagakan pihak yang berbeza ideologi atau mengapi-apikan sentimen; atau untuk memberi kesedaran; untuk melariskan media; untuk meraih keuntungan dan pelbagai sebab lain.

TANGUNGJAWAB MEDIA

Kandungan media banyak bergantung kepada siapa pemilik dan pembuat polisi. Walaupun sesebuah negara itu ada garis panduan dan perundangan untuk memastikan kebertanggungjawaban media, tidak mudah untuk mengendalikan kebebasan media dengan memuaskan hati semua pihak yang berkepentingan. Sama ada pemerintahan sistem demokrasi atau autoritarian atau tanggungjawab sosial, ada media yang dikendalikan oleh mereka yang buta hati dan buta mata, yang bertujuan menabur fitnah, menjajah minda, dan mengabaikan tugas mencerdaskan akal khalayaknya.

Untuk memanfaatkan maklumat supaya menjadi ilmu pengetahuan yang bermanfaat dan mencerdaskan, maka pengguna media perlu tajam akalnya dan berupaya berfikir secara kritikal.

Maklumat boleh disebarkan secara konvensional, iaitu secara bersemuka daripada orang perseorangan, kumpulan atau melalui media, sama ada media cetak, elektronik atau digital. Media digital atau media sosial membolehkan sesiapa sahaja berperanan sebagai wartawan tidak bertauliah untuk memberikan buah fikiran serta menyebarkan maklumat sama ada yang berunsur ilmu pengetahuan yang benar atau yang palsu, tidak tepat dan berunsur fitnah. Apabila seseorang itu tidak lagi memiliki roh yang takut kepada Allah, maka dia tidak akan segan-segan memfitnah orang lain tanpa menghiraukan pembalasan Allah.


Inilah yang diisytiharkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabda baginda yang bermaksud:

"Fitnah akan dibentangkan kepada manusia seperti tikar, satu demi satu. Mana-mana hati yang dipengaruhi tercatitlah di hati itu suatu titik hitam. Mana-mana hati yang mengingkarinya tercatitlah pada hati itu satu titik putih, hinggalah hati itu menjadi salah satu daripada dua jenis hati; sama ada putih

seperti batu putih yang tidak akan dicatikan oleh sebarang fitnah atau menjadi hati yang hitam pekat, tidak mengenal ma'aruf dan mengingkari sebarang kemungkaran."


(Hadith riwayat Muslim daripada Hudhaifah Ibn Yaman)

Dalam al-Quran, Surah An-Nur, 24: 19, Allah berfirman:



"Sesungguhnya orang-orang yang suka sekali supaya tersebar berita-berita keji dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan mendapat azab yang pedih di dunia dan di akhirat. Allahlah yang Maha Tahu dan kamu semua tidaklah mengetahui."

Justeru, kita dipesan supaya menyemak kesahihan maklumat dan sumber maklumat. Firman Allah dalam al-Quran, Surah Al-Hujurat, ayat 6:



"Wahai orang-orang yang beriman! Jika seseorang yang fasik datang kepadamu membawa suatu berita, maka telitilah kebenarannya, agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum kerana kebodohan (kecerobohan), yang akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu."

SERAMPANG DUA MATA

Data negara yang dikesan melalui satelit komunikasi, kaji cuaca, pengemudian (navigational), ketenteraan, penyelidikan sains dan *remote sensing* milik kuasa-kuasa besar dunia boleh digunakan untuk tujuan konspirasi para perisik atau kuasa ekonomi-politik dunia untuk tujuan 'espionage' atau penjajahan minda. Data yang dibeli atau diperolehi syarikat transnasional boleh dieksploitasi untuk menjana kekayaan apabila negara yang empunya data tersebut tidak menyedari bahawa maklumat negaranya sendiri yang telah dikesan, dicari-gali, dieksploitasi dan dijadikan komoditi untuk diniagakan.

Tidak ada suatu media yang sempurna, tetapi media yang mengutamakan khalayaknya akan sentiasa berusaha untuk memperbaiki kredibiliti dan mutu maklumat yang disampaikan. Di dalam sesebuah negara yang mengamalkan demokrasi tulen, media

wajib berperanan sebagai pengawas pemerintah, supaya ia sentiasa menghormati kedaulatan rakyat.

Media adalah ibarat serampang dua mata (a double-edged sword) yang boleh memupuk ilmu dan membangunkan minda atau memecahbelah serta memusnahkan masyarakat melalui penaburan dakyah dan fitnah serta hiburan yang melalai dan mengasyikkan. Namun, kita tidak dapat menafikan hakikat bahawa revolusi media masa kini boleh membantu kita membuat keputusan yang lebih bijak dan berhemah sekiranya menggunakan akal yang cerdas.

Dr Rahmah Hashim adalah Naib Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia



PENGLIBATAN KYAI DALAM KEMPEN PILIHAN RAYA PRESIDEN INDONESIA 2004

Md Sidin Ahmad Ishak

Di wilayah-wilayah santri di Indonesia, ketaatan terhadap Kyai dikatakan masih sangat kental. Golongan Kyai selalu menekankan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membimbing masyarakat sementara masyarakat tempatan pula meletakkan Kyai sebagai 'role model' bagi kehidupan mereka. Tahap kepatuhan kepada kyai dan penghormatan terhadap mereka adalah sejajar dengan watak kesantrian masyarakat.

Di pesantren yang meletakkan Kyai sebagai satu-satunya sumber rujukan, ketaatan terhadap mereka dikatakan bersifat mutlak. Kepatuhan itu merupakan jaminan keselamatan hidup seseorang santri dan budaya tersebut tidak berhenti ketika seorang santri menamatkan pendidikan di pesantren, malah terus berlanjutan dalam kehidupannya dan selain itu ketaatan tersebut akan diperpanjang kepada ahli-ahli keluarganya. Dalam konteks sedemikian, ketaatan masyarakat yang meluas terhadap Kyai mudah difahami walaupun diakui bahawa tingkat ketaatan kelihatan pudar di kawasan-kawasan yang tahap kesantriannya menipis.

KOTA SERIBU PESANTREN

Dalam mencorakkan hala tuju politik Indonesia termasuk ketika pemilihan Presiden (Pilpres) pertama pada tahun 2004, golongan Kyai dianggap memainkan peranan yang signifikan. Keadaan ini berlaku khususnya di Jawa Timur yang terkenal sebagai Kota Seribu Pesantren yang memiliki jumlah pengundi terbesar di Indonesia iaitu sebanyak 26.5 juta pada Pilpres 2004. Dari segi politik, Jawa Timur bukan sahaja memiliki jumlah kabupaten terbanyak, bahkan sangat strategik dan berpengaruh dalam menentukan dinamika politik kebangsaan di Indonesia. Selain itu, peranan Kyai sebagai pemimpin

dan tokoh utama di pesantren dan masyarakat setempat turut menentukan pilihan politik rakyat.

Golongan Kyai boleh dibahagikan kepada dua kelompok politik utama, iaitu Kyai bebas dan Kyai berparti. Kedua-dua kelompok ini memainkan peranan yang aktif sebagai jurucakap, perunding dan pelaku dalam Pilpres 2004. Namun, sejauh manakah sebenarnya peranan politik ini, apakah pengaruh mereka terhadap pilihan para pengundi dan bagaimanakah kemenangan calon presiden dan timbalan atau wakil presiden dipengaruhi oleh golongan kyai?

Jawa Timur, sebagai salah satu propinsi di Pulau Jawa dianggap sebagai wilayah santri. Dengan memiliki 3,582 pesantren, hampir tidak ada satu pun kabupaten yang tiada pesantren besar yang memiliki pengaruh kuat dalam masyarakat. Kabupaten Pacitan di pesisiran laut selatan, bersempadan dengan Jawa Tengah, memiliki pesantren Termas yang besar dan telah lama wujud. Sebelah utara Kabupaten Pacitan ialah Kabupaten Ponorogo yang bukan termasuk wilayah santri, tetapi kabupaten ini amat terkenal kerana memiliki sebuah pesantren moden yang terbesar di Indonesia iaitu Pesantren Gontor. Di pesisiran utara terdapat Kabupaten Tuban yang terletak di sebelah utara-barat Jawa Timur, bersempadan dengan wilayah Jawa Tengah. Kabupaten ini memiliki Pesantren Langitan yang berpengaruh di Tuban, Lamongan dan Bojonegoro.

Kabupaten Gresik juga mengidentifikasi dirinya sebagai wilayah santri. Kabupaten Jombang yang juga dikenal sebagai kota dengan seribu pesantren mempunyai empat buah pesantren besar yang sangat berpengaruh di Indonesia. Pesantren di Jombang telah melahirkan ramai ulama besar

termasuklah pengasas organisasi NU iaitu KH. Hasyim Asy'ari.

Wilayah timur propinsi Jawa Timur, iaitu di daerah Tapal Kuda, kawasan dari wilayah Pasuruan sampai ke Banyuwangi, juga dikenal sebagai wilayah santri. Wilayah ini didominasi oleh etnik Madura yang terkenal dengan ketaatan mereka terhadap Kyai. Salah satu pesantren yang penting di wilayah ini ialah Pesantren Salafiyah Syafi'iyah Situbondo yang dipimpin oleh KH. Fawa'id As'ad. Sementara itu, Kabupaten Bangkalan, Sampang, Pamekasan dan Sumenep, yang semuanya di Pulau Madura mempunyai reputasi kesantrian yang sangat kuat. Di sebelah barat terdapat pesantren Syaikhona Kholil yang sangat berpengaruh dan di sebelah timur, terdapat sebuah pesantren yang sudah lama wujud iaitu Pesantren An-Nuqayyah Guluk-guluk, di wilayah Sumenep.

SUMBER KEKUATAN POLITIK

Pengaruh Kyai terhadap masyarakat tidak hanya terbatas pada masalah-masalah agama tetapi mereka juga menjadi rujukan dalam semua masalah kehidupan individu dan masyarakat. Seseorang Kyai yang memiliki pengaruh yang kuat dalam masyarakat dengan sendirinya adalah sumber kekuatan politik. Kepatuhan masyarakat terhadap tokoh agama memungkinkan seorang Kyai untuk menggerakkan masyarakat sesuai dengan visi politiknya. Dalam konteks ini, sejarah politik di Nusantara hampir tidak pernah sepi dari keterlibatan Kyai dalam politik. Era penjajahan Jepun sejak awal lagi ditandai dengan pemanfaatan Kyai atau ulama untuk memberi dukungan dan legitimasi keberadaan Jepun di Indonesia.

Semasa pasca-kemerdekaan, para Kyai terlibat secara langsung dalam dinamika politik nasional manakala ketika Orde Baru, walaupun Kyai dilarang untuk berpolitik, pengaruh Kyai dimanfaatkan sepenuhnya oleh rejim Soeharto untuk menjayakan pelaksanaan program pembangunan. Penubuhan Majlis Ulama Indonesia (MUI) adalah contoh jelas strategi rejim dalam memanfaatkan pengaruh golongan ulama untuk mendukung kekuasaan dan pelbagai program pembangunan oleh rejim Orde Baru. Seterusnya reformasi politik 1998 telah membuka ruang demokrasi yang ditutup rapat oleh pemerintahan Orde Baru untuk selama 30 tahun. Implikasinya, banyak parti politik muncul di Indonesia dan golongan Kyai kembali menjadi primadona dalam dunia politik. Pilihan raya tahun 1999 dimeriahkan

oleh penglibatan begitu banyak Kyai dan hampir tidak ada Kyai berpengaruh yang tidak terlibat dalam politik sama ada sebagai calon pilihan raya atau sebagai jurukempen untuk ahli-ahli politik yang bertanding.

Parti Kebangkitan Bangsa (PKB) yang didirikan oleh NU misalnya didukung dengan penuh oleh para Kyai yang berusaha untuk memenangkan parti ini. Hasilnya, PKB menjadi pemenang di Jawa Timur pada Pilihan Raya 1999 dengan meraih undi sebanyak 34.4 peratus. Kejayaan ini menjadi sempurna apabila Kyai yang berpengaruh di Indonesia, KH. Abdurrahman Wahid atau yang dikenali sebagai Gus Dur, berjaya terpilih sebagai Presiden Indonesia. Mulai daripada kejayaan ini, kebangkitan Kyai dalam politik secara amali berterusan sehingga pilihan raya legislatif dan pilihan raya presiden tahun 2004.

MEMBERSIHKAN POLITIK YANG KOTOR

Pilihan raya Indonesia 2004 merupakan Pilpres secara langsung yang pertama dalam sejarah politik Indonesia. Pengalaman memilih presiden secara langsung membawa minat politik yang luar biasa di tengah-tengah masyarakat. Hampir tidak ada satu pun kelompok masyarakat yang terkecuali daripada keghairahan politik ini. Kyai terlibat dengan meluas kerana kedudukan mereka yang diharapkan untuk bersuara dan bertindak serta tidak berdiam diri ketika umatnya sedang menghadapi sesuatu yang dianggap memerlukan bimbingan. Di samping itu, masyarakat sendiri juga memerlukan bimbingan Kyai ketika menghadapi situasi politik yang belum pernah ditempuhi sebelum ini. Pengakuan beberapa Kyai memperlihatkan bahawa ramai yang datang kepada mereka untuk mendapatkan pendoman tentang siapa yang paling layak untuk dipilih.

Terdapat beberapa alasan yang mendorong keterlibatan para Kyai di Jawa Timur dalam Pilpres 2004. Bagi seorang Kyai, politik mempunyai kaitan yang sangat erat dengan kedudukan mereka sebagai tokoh agama Islam. Kyai selalu menyatakan bahawa agama adalah sandaran pertama dan utama bagi keterlibatan mereka dalam politik. Hampir tidak ada Kyai yang membenarkan perilaku politiknya di luar ruang keyakinan agamanya. Dalam menjelaskan tindakan politiknya, seorang Kyai selalu bertitik tolak dari makna politik dari perspektif keyakinan agamanya.

Bagi Kyai, politik adalah wahana untuk mencapai matlamat agama. Jika agama menetapkan ke mana arah tujuan hidup manusia, maka politik bagi

Kyai adalah wahana untuk mencapai tujuan tersebut. Kesannya, politik yang selama ini dianggap kotor telah dijadikan cabaran bagi mereka untuk membersihkannya. Politik pada dasarnya adalah neutral, tidak memiliki nilai dalam dirinya sendiri. Nilai politik berada pada fungsinya. Agar politik bernilai positif, maka ia harus berfungsi untuk tujuan-tujuan positif dalam hidup manusia. Oleh sebab itu, di mata Kyai politik adalah sesuatu yang penting kerana ia adalah wahana untuk merealisasikan tujuan agama.

Perbincangan politik dalam lingkungan Kyai selalu berkaitan dengan nilai moral dan perjuangan dakwah. Keterlibatan Kyai dalam dunia politik selalu dijustifikasi dengan kepentingan moral. Kyai memiliki dorongan kuat untuk memberi sentuhan moral dalam dunia politik yang selama ini dianggap terlalu kotor kerana tidak digunakan untuk kebaikan manusia, tetapi lebih untuk merebut kekuasaan dan menghancurkan musuh politik. Moral politik ini tidak mungkin diserahkan kepada ahli politik yang hidupnya tidak dipandu oleh nilai-nilai agama. Oleh sebab itu, Kyai merasa terpacu untuk terjun ke dunia politik, untuk membersihkan kotoran cita-cita liar ahli politik dan menghiaskan politik dengan moral. Dalam hal ini, politik digunakan untuk merealisasikan tujuan luhur kehidupan manusia dan politik difahami sebagai wahana dakwah Islam.

Untuk memastikan politik berfungsi dalam mencapai tujuan hidup manusia mengikut garis agama, politik harus ditangani oleh orang yang bermoral. Kyai sangat sedar bahawa mereka tidak boleh lagi menjadi objek politik. Tetapi sebaliknya mereka dengan sedar berusaha untuk menjadi subjek politik.

RAKYAT PEMEGANG KEDAULATAN

Hujah demokrasi menjadi motivasi kedua keterlibatan Kyai Jawa Timur pada Pilpres 2004. Ini dianggap sebagai alasan sekular tetapi Kyai sangat memahami maksud demokrasi iaitu rakyat adalah pemegang kedaulatan. Sesetengah golongan Kyai sangat melibatkan diri dalam dunia politik sebagai sebahagian daripada perjuangan demokrasi. Kyai merasa bahawa keterlibatannya dalam politik akan membolehkan mereka untuk memperjuangkan aspirasi masyarakat.

Motivasi lainnya sumber daya ekonomi. Keterlibatan Kyai dalam politik dianggap sebagai cara untuk mendapatkan akses langsung kepada sumber-sumber ekonomi yang selama ini berada dalam

kekuasaan negara. Dengan memiliki akses langsung kepada sumber ekonomi, Kyai mampu memiliki sumber daya ekonomi untuk membiayai pelbagai aktiviti keagamaan yang dilaksanakan seperti pesantren, madrasah, majlis ilmu, taman asuhan anak yatim dan sebagainya. Kepentingan ekonomi ini juga dianggap sesetengah orang sebagai cara untuk memenuhi kepentingan pribadi Kyai. Begitu juga keterlibatan Kyai dalam politik boleh juga semata-mata dimotivasi oleh tujuan politik pribadi yang tidak ada kaitannya dengan kaitan agama, sekalipun argumen-argumen keagamaan tetap dipakai oleh seorang Kyai.

Terdapat Kyai yang berpendapat bahawa berpolitik adalah masalah meraih kekuasaan. Walaupun demikian, kekuasaan itu harus difahami sebagai alat untuk melakukan dakwah Islam dalam rangka mewujudkan agenda-agenda Islam ke dalam kehidupan manusia di dunia ini. Untuk itu, kekuasaan politik harus direbut. Dengan merebut kekuasaan politik, dengan sendirinya sumber ekonomi juga di bawah kendali Kyai, yang pada gilirannya dapat dimanfaatkan untuk pengembangan dakwah Islam dan ibadah. Di sisi lain, mereka juga memandang bahawa demokrasi pada dasarnya sesuai dengan anjuran Islam. Oleh kerana itu, menegakkan demokrasi melalui perjuangan politik sama dengan mengamalkan ajaran Islam.

TAHAP PENGLIBATAN

Penglibatan golongan Kyai Jawa Timur pada Pilpres 2004 bermula mulai tahap pencalonan hingga kepada pelaksanaan. Para Kyai aktif mencari tokoh yang tepat untuk menjadi presiden dan timbalan (wakil) presiden. Kyai juga aktif memasang para calonnya dengan calon lain, selain aktif berunding dengan pemimpin politik untuk kedudukan calonnya. Pada awalnya, para Kyai membawa calonnya untuk kedudukan calon presiden. Jika kedudukan pertama tidak berjaya, mereka akan memasang calonnya sebagai timbalan presiden yang berpasangan dengan calon presiden lain.

Pada tahap pelaksanaan, peranan utama yang dimainkan oleh para Kyai adalah mempengaruhi pengundi untuk memilih pasangan calon presiden dan timbalan presiden yang didukungnya. Tidak ada Kyai yang masuk ke dalam pasukan berjaya (tim sukses) pasangan calon presiden dan wakil presiden. Komposisi tim sukses setiap calon didominasi oleh parti politik yang menyokong. Jika ada daripada elemen Kyai, biasanya yang masuk adalah para santri senior. Bahkan pasangan Wiranto-Sholah, yang secara

langsung didukung oleh PKB dan Golkar, pun tidak ada nama Kyai Jawa timur yang masuk ke dalam susunan tim sukses.

Perkara tersebut boleh difahami kerana tim sukses biasanya terdiri daripada muka yang selalu berada di lapangan dengan mobilisasi yang sangat tinggi. Untuk kepentingan ini, tokoh-tokoh muda dianggap lebih tepat daripada Kyai. Bagi pasangan Mega-Hasyim, meletakkan Kyai di tim sukses jelas sukar kerana banyak Kyai yang menjadi pengurus NU, yang bererti terhalang untuk secara formal terlibat dalam politik amali. Di samping itu, peranan yang dianggap paling strategis untuk dimainkan Kyai adalah seruannya kepada pengundi untuk memilih pasangan calon yang didukungnya. Oleh itu, peranan utama Kyai ketika berlangsungnya Pilpres 2004 adalah membantu masyarakat untuk datang ke tempat pemungutan suara dan memilih pasangan calon presiden sesuai dengan yang didukung oleh Kyai. Peranan ini dilakukan dengan kaedah berikut:

- Mengeluarkan kenyataan terbuka tentang dukungannya kepada pasangan calon tertentu. Kenyataan ini dilakukan di hadapan media atau ketika pengajian-pengajian umum semasa aktiviti keagamaan misalnya pada majlis ta'lim dan istighatsah.
- Menyeru untuk memilih pasangan calon tertentu. Kyai yang mendukung pasangan calon tertentu mengarahkan seluruh santri dan alumni pesantren untuk mendukung calon yang disokongnya.
- Menjadikan pesantren sebagai tempat konsolidasi bagi memenangkan pasangan calon. Sepanjang kempen Pilpres 2004 berlangsung, pesantren menjadi salah satu pusat penting bagi konsolidasi pemenangan calon dan arena kempen untuk meraih dukungan orang ramai. Kehadiran calon presiden dan wakil presiden di pesantren-pesantren menjadi pemandangan biasa pada waktu itu, sama ada atas undangan Kyai ataupun melalui inisiatif para calon.
- Mengeluarkan fatwa keagamaan yang mengandungi seruan untuk memilih pasangan calon tertentu dengan menggunakan dalil keagamaan, baik dari al-Qur'an, hadis, mahupun kitab-kitab keagamaan klasik lain. Fatwa keagamaan ini ditandatangani secara kolektif oleh banyak Kyai ataupun oleh seorang Kyai.
- Konsolidasi antara sesama Kyai untuk mengukuhkan dukungan dan usaha pemenangan pasangan calon yang didukungnya. Konsolidasi ini

boleh dilakukan di pesantren mahupun di tempat lain.

- Memasuki tim kempen pasangan calon presiden dan timbalan presiden. Selain para artis, Kyai adalah salah satu tokoh yang ditunggu-tunggu kehadirannya di arena kempen dan ini sangat ketara sepanjang kempen Pilpres 2004.
- Mengerahkan santrinya ke wilayah tertentu untuk mendapatkan sokongan pengundi di wilayah tersebut supaya menyokong pasangan calon yang didukungnya.

Ternyata bahawa pada Pilpres 2004, para Kyai di Jawa Timur menjadi kekuatan penting yang dapat mengarahkan pilihan politik masyarakat. Kyai menjadi rujukan masyarakat dalam menentukan pilihan sokongan kepada pasangan calon presiden dan wakil presiden. Bagi sesetengah masyarakat, mengikuti Kyai bererti mengikuti ajaran nabi kerana Kyai adalah pewaris nabi. Para pemilih itu tidak ada motif lain kecuali mengikuti dan mentaati arahan Kyai kerana Kyai dipandang sebagai orang yang memberi pertunjuk ke arah kebenaran sebagaimana yang dianjurkan oleh agama.

Pengaruh Kyai juga sangat jelas kelihatan pada kemenangan pasangan SBY-JK. Jika selama ini terdapat pandangan yang menyangka bahawa pasangan SBY-JK tidak memerlukan sokongan Kyai, maka yang terjadi sesungguhnya adalah kecerdikan dan kecerdasan tim sukses pasangan SBY-JK dalam memanfaatkan perpecahan yang berlaku dalam kalangan Kyai Jawa Timur dan ketepatan mendapatkan sokongan dari Kyai. Setidak-tidaknya ada lima faktor bagi kemenangan pasangan SBY-JK di Jawa Timur iaitu: adanya semangat kemandirian politik masyarakat, kegamangan dalam kalangan Kyai untuk terlibat dalam politik praktis, perbezaan dan perpecahan para Kyai, adanya Pilpres pusingan kedua dan kualiti tokoh dan kehandalan strategi SBY-JK dalam mendekati Kyai. Dalam lima perkara tersebut, Kyai selalu menempati faktor penting.

Peranan Kyai sebagai pencari dan pemancing sokongan rakyat sehingga keterlibatan mereka lebih bersifat pragmatik. Kesan daripada sifat pragmatik tersebutnya, maka kesatuan di kalangan Kyai tidak dapat bertahan lama. Selepas Pilpres 2004 berlangsung, wujud ketegangan dan lahirnya kelompok-kelompok di antara para Kyai. Keterlibatan seorang Kyai dalam politik bererti menempatkan mereka dalam sebuah kubu politik tertentu yang berlawanan dengan kubu politik lain, di mana kubu

politik lain itu boleh jadi ditempati oleh Kyai lain. Ketika dalil-dalil keagamaan digunakan untuk menjustifikasi pilihan politiknya dan menganggap dosa terhadap pilihan politik lain, Kyai di kubu yang berseberangan juga melakukan hal yang sama, dan kedua Kyai ini membawa penyokong masing-masing, maka yang terjadi adalah skisma politik yang tajam di tengah masyarakat.

KESIMPULAN

Pada Pilpres 2004, kekuatan pengaruh Kyai dapat dilihat di wilayah-wilayah yang terkenal dengan pelbagai pesantren seperti Madura dan Tapal Kuda. Namun begitu, disebabkan terdapat banyak pesantren dan Kyai yang berpengaruh di hampir semua wilayah di Jawa Timur, maka pengaruh Kyai di Jawa Timur boleh dikatakan menyeluruh. Meskipun ternyata peranan Kyai dilihat signifikan dalam menentukan pilihan calon oleh masyarakat dan bagi kemenangan calon, namun ia bukan faktor tunggal bagi kemenangan calon di peringkat nasional. Faktor kualiti tokoh, populariti dan elektabiliti calon adalah juga penting dan perlu dikaji secara objektif dalam babak baru politik Indonesia sejak Pilpres 2004.

Para Kyai di Jawa Timur terlibat secara aktif dalam Pilpres 2004 iaitu sejak tahap pencalonan, tahap pelaksanaan sehingga berakhirnya Pilpres kerana didorong oleh pemahaman mereka tentang hubungan simbiotik antara politik dan agama. Bagi mereka, politik adalah wahana untuk meraih tujuan agama. Malah penglibatan mereka dalam politik juga bermakna penglibatan mereka secara langsung dalam mencapai cita-cita bangsa serta memberikan sumbangan dalam proses memajukan demokrasi di

Indonesia. Pada tahap pencalonan, para Kyai juga terlibat secara aktif sebagai jurucakap dari tahap mencari Calon Presiden/Calon Wakil Presiden (Capres/Cawapres) sehingga berunding dengan pihak lain untuk menyokong tokoh yang disokongnya sebagai Capres/Cawapres. Ketika pelaksanaan Pilpres, peranan utama yang dimainkan oleh para Kyai adalah mempengaruhi masyarakat untuk memilih calon pasangan yang disokongnya melalui deklarasi, fatwa, *taushiyah*, seruan terbuka, memberikan kenyataan di depan media, sebagai fasilitator pesantren untuk mengeratkan silaturahmi, menyatukan para Kyai, menganggotai Tim Sukses, menjadi jurukempen dan mempengaruhi orang ramai.

(Tulisan di atas merupakan ulasan disertasi PhD oleh Munawar Fuad Noeh yang dikemukakan ke Universiti Malaya pada tahun 2013. Sdr. Munawar pernah menjadi Calon Bupati Kabupaten Bekasi dalam Pilkada Bupati 2007.)

Dr Md Sidin Ahmad Ishak adalah Profesor di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.



PUSAT DAKWAH & TARBIYAH WADAH KG SG MERAB, SEPANG

BORANG SUMBANGAN WAKAF LANTAI

Nama : _____

Alamat : _____

E-mel : _____ No. Tel : _____

Kepada:
Pengerusi,
Lembaga Pemegang Amanah Harta WADAH

Saya mewakilkan kepada Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Harta WADAH untuk membeli dan mewakafkan kembali bagi tujuan pembinaan bangunan Pusat Dakwah dan Tarbiyah WADAH Kg. Sg. Merab, Sepang untuk diri sendiri dan/atau nama-nama berikut (ibu/bapa/anak/lain-lain):

	Nama	Pertalian
1)	_____	_____
2)	_____	_____
3)	_____	_____
4)	_____	_____
5)	_____	_____
6)	_____	_____

Jumlah keluasan lantai yang diwakafkan _____ kaki per segi @ RM150 satu kaki per segi. Jumlah sumbangan: RM_____. Bersama-sama ini disertakan tunai/cek/wang pos/slip bank bernombor _____ sebanyak RM _____ atas nama :

TABUNG PEMBANGUNAN WADAH
No. Akaun: Maybank Islamic 562834623920
Bank Muamalat 12100000677718

Tandatangan : _____ No. K/P. : _____ Tarikh : _____

Sebarang makluman atau pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi:

WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA (WADAH)
No 23A-2-2A, Tingkat 2, Jalan Medan PB 2A,
Seksyen 9, Pusat Bandar Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel : 03-8920 2124 Faks : 03-8912 2346 Emel : wadah.kew@gmail.com

FRONT ELEVATION